

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B.Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B.Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B.Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B.Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B.Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B.Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B.Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B.Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Y.B.Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B.Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B.Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B.Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B.Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B.Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B.Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B.Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B.Tuan Dr. Haji Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B.Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B.Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B.Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B.Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B.Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B.Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B.Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B.Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B.Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B.Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B.Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Y.B.Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B.Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B.Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B.Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B.Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B.Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B.Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B.Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B.Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B.Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B.Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B.Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B.Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B.Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B.Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B.Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

Y.B.Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B.Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B.Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B.Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B.Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B.Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B.Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B.Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B.Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B.Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B.Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B.Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Encik Saifulnizam bin Hasmawi

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 10 November 2017 dimulakan dengan :

(i) Bacaan Doa

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Selamat pagi kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Permatang. Permatang? Tidak hadir. Pandamaran.

**Y.B.TUAN TAN POK SHYONG** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : STATUS PROJEK PENAIKTARAFAN KUNCI AIR NO. 51 KE PINTU AIR  
AUTOMATIK DI JALAN PAPAN, PANDAMARAN**

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sama ada reka bentuk terakhir telah dikemukakan oleh perunding dan juruukur yang telah dilantik pada tahun 2016 dan kini diluluskan oleh JPS?
- b) Sila nyatakan butir-butir dan anggaran kos terkini projek tersebut.
- c) Bila kerja akan dapat dimulakan di tapak?

**Y.B.TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih kepada Pandamaran yang bertanya. Reka bentuk akhir telah pun siap dan dokumen tender telah pun dikemukakan oleh perunding. Dokumen tender berkenaan dalam semakan Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Skop kerja yang akan dilaksanakan adalah menaiktaraf *screw down gate* kepada *roller gate* dan kerja-kerja berkaitan dengan anggaran kos RM3 juta dan

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

beroperasi secara automatik berdasarkan kepada paras air. Kerja dijangka ditender pada bulan ini, November 2017.

**Y.B.TUAN TAN POK SHYONG** : Soalan tambahan. Boleh saya tahu bila akan disiapkan? Itu soalan saya yang terakhir itu. Biasa 18 bulan ke ataupun berapa lama untuk projek ini?

**Y.B.TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Untuk tarikh siap saya akan buat semakan bagi pihak Pandamaran tapi tender akan dikeluarkan pada bulan ini.

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B.TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 70.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B.TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN (N54 TANJUNG SEPAT)**

#### **TAJUK : PROGRAM HIJRAH**

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah 'benchmark' Hijrah dalam menilai kejayaan usahawan yang mendapat pinjaman?

**Y.B.TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Speaker dan Tanjung Sepat yang bertanyakan soalan tentang Hijrah. Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam kertas cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak UNISEL dan IDE hasil daripada perbincangan dengan Pengurusan Hijrah Selangor kita telah mengadakan satu kajian selidik dan dalam kaji selidik tersebut kita meletakkan *benchmark* ataupun kayu ukur kejayaan usahawan pinjaman Hijrah seperti berikut, terdapat lapan perkara :-

- 1) Kemampuan menyelesaikan bayaran balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan.
- 2) Pinjaman ulangan dengan nilai yang besar.
- 3) Peningkatan pendapatan perniagaan.



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

- 4) Penambahan aset perniagaan atau penambahan lain-lain aset.
- 5) Perkembangan perniagaan yakni penambahan bilangan cawangan perniagaan, francais dan perubahan saiz perniagaan daripada kecil kepada besar seperti gerai kepada kedai ataupun restoran.
- 6) Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan atau usahawan kecil di bawah bimbingan usahawan itu sendiri.
- 7) Perkembangan taraf pendidikan dan kesihatan keluarga.
- 8) Pengembangan perniagaan melalui media sosial dan media elektronik seperti *website, facebook, instagram* dan lain-lain.

Terima kasih.

**Y.B.TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Tuan.

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B.TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Exco. Sejak program dilancarkan ramai di kalangan peserta-peserta yang memohon dan sebahagian besar mereka yang memohon pun dapat dibantu oleh Kerajaan. So, daripada bilangan pemohon yang telah berjaya mendapat bantuan ataupun mengikut skim Hijrah ini berapa ramaikah ataupun peratusnya berapa ramaikah peserta daripada program ini telah pun menunjukkan kejayaan yang membanggakan dan apakah tindakan Kerajaan berkaitan peserta Hijrah yang gagal untuk melaksanakan program ini dengan baik dan akhirnya mereka tak dapat bayar balik apa yang dipinjamkan kepada mereka?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. *Output* ataupun hasil daripada kajian itu belum dapat lagi kepada kita dan kita akan dapat peratusan dan angka yang lebih akurat ataupun yang lebih tepat selepas kita mendapat hasil kajian tersebut dan akan saya kemukakan sekali lagi dalam Dewan apabila sampai masanya. Namun daripada maklum balas yang kita berikan contohnya kajian daripada kawasan parlimen di Sungai Besar dan Sabak Bernam tahun lalu di kawasan tersebut sahaja satu kajian kecil kita buat sebagai *sampling* menunjukkan bahawa 75% hingga 80% daripada penerima-penerima Hijrah berasa sangat puas hati ataupun berasa sangat gembira dengan Program Bantuan Hijrah yang telah kita berikan. Kalau *sampling* itu

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

kita buat saja mungkin ia boleh jadi petunjuk kepada maklum balas yang diberikan di peringkat Negeri ataupun di keseluruhan daerah-daerah di Negeri Selangor. Sebenarnya soalan yang berkenaan dengan apakah kaedah-kaedah kita ada empat atau tiga kaedah kepada kadar bayar balik ataupun mereka-mereka yang agak tegar, gagal membayar balik termasuk yang terakhirnya kita memilih ataupun kita melantik *debt collector* dengan izin, ataupun pemungut hutang untuk memastikan tidak ada hutang-hutang tegar ataupun tak ada hutang-hutang yang tertanggung ataupun hutang lapuk yang menyebabkan kita tak dapat mengitar untuk peminjam-peminjam lain di masa depan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin membangkitkan satu perkara yang berlaku dulu di Hulu Kelang. Kerjasama di antara *akredit* punya program berjalan baik. Tapi, baru-baru ini dan seterusnya tidak ada *engagement* pertemuan kerjasama di antara proses mendapatkan peserta dengan Pejabat DUN. Maknanya, kita salurkan nama, dia pergi ke Pejabat Hijrah, tak tau apa hasilnya sama ada dia dapat ataupun tidak. Jadi, apa sebabnya adakah itu polisi baru ataupun boleh kita kembalikan kerjasama di antara Pejabat DUN dengan Hijrah.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih. Saya sentiasa mengingatkan kepada pegawai-pegawai Hijrah terutamanya pegawai-pegawai di peringkat kawasan ataupun parlimen yang kita lantik supaya bekerjasama dengan pemimpin kawasan dan saya akan melihat perkara ini secara spesifik untuk memastikan tidak berlaku dan sebenarnya memang kita berharap supaya Hijrah dapat berhubungan bukan dengan Pejabat DUN sebaliknya Pejabat Parlimen, Ketua Kampung, Ahli Majlis, pemimpin masyarakat supaya kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini dapat manfaat kepada semua. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Tuan Speaker, soalan nombor 71.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN TANAH PERKUBURAN LAMA**

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Memandangkan infrastruktur dan kemudahan awam di tanah perkuburan lama tiada dan kadangkala amat uzur, apakah ada usaha untuk menyediakan inventori tentang isu ini?
- b) Apakah langkah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan infrastruktur dan kemudahan ini disediakan?
- c) Di bawah tanggungjawab agensi mana?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Speaker, Batu Tiga bertanya berkaitan dengan infrastruktur dan kemudahan tanah perkuburan. Bagi infrastruktur dan kemudahan tanah perkuburan lama adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan diuruskan melalui masjid qariah-qariah tertentu untuk menguruskan tanah-tanah perkuburan dan juga infrastrukturnya. Bagi tanah-tanah yang baru, inventori bagi tapak perkuburan Negeri Selangor telah disediakan oleh PLAN Malaysia Selangor ataupun JPPD. Sebarang permohonan kos bagi penyediaan infrastruktur dan kemudahan tanah perkuburan boleh menggunakan Akaun Amanah Perkuburan Negeri Selangor dan dikemukakan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ataupun Pejabat Daerah dan Tanah. Dan tanggungjawab infrastruktur dan kemudahan tanah perkuburan ini adalah di bawah bidang kuasa agensi Pihak Berkuasa Tempatan merujuk kepada Bahagian 11, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kalau kita rujuk melalui Seksyen 94 ialah Seksyen 100 di situ. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Soalan 72 telah pun dijawab semasa penggulungan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Saya juga terpanggil untuk bagi satu lagi contoh mengenai soalan ini. Saya harap Ahli-Ahli Dewan Negeri tidak akan mengulangi masalah ini. Sungai Burong telah menghantar soalan berkenaan 'Iklan Bebas Rasuah'. Sungai Burong juga telah menghantar usul mengenai perkara yang sama 'Ikrar Bebas Rasuah' dan kemudian Sungai Burong telah membangkitkan perkara ini dalam perbahasan dasar Iklan Bebas Rasuah. Ini sudah berulang tiga kali. Itu sebab saya telah menolak usul membawa perkara yang sama supaya perkara ini kita tak payah bazirkan masa Dewan untuk membincangkan perkara yang sama. Berapa kali pihak Kerajaan kena jawab. Ok. Saya harap ini adalah contoh yang saya nak bagi pada semua kerana mereka tidak faham dan asyik keluar buat kenyataan media Speaker menolak usul tak bagi mereka bahas. Faham Batang Kali? Boleh sampaikan kepada kawan-kawan kerana ini adalah masa untuk tanya soalan, tak hadir. Ini yang kita geram kerana sidang media

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

asyik mainkan isu tak ada ruang untuk perbahasan. Sebenarnya ini sudah dijawab panjang lebar. Soalan seterusnya Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, soalan nombor 73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK : TAHAP KEPUASAN DAN SOKONGAN RAKYAT KEPADA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR**

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila nyatakan sejauh manakah tahap kepuasan dan sokongan rakyat terhadap Kerjaan Negeri Selangor?
- b) Sila nyatakan apakah faktor utama yang mendorong kepuasan dan sokongan rakyat semakin melonjak terhadap Kerajaan Negeri Selangor?
- c) Sila huraikan apakah pendekatan yang proaktif untuk memperkukuhkan kepuasan dan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM :** Tuan Speaker, berdasarkan *survey* terbaru oleh organisasi media Sinar Harian tahap kepuasan dan sokongan rakyat terhadap Dato' Menteri Besar, Y.A.B. Bukit Antarabangsa menunjukkan tahap kepuasan dan sokongan rakyat Negeri Selangor berada pada paras 55%. Hasil kajian selidik itu dilakukan oleh Sinar Harian terhadap 550 responden di seluruh Negeri Selangor di mana 301 daripadanya mahu Kerajaan Negeri sedia ada dikekalkan. Tinjauan Sinar Harian berkenaan diterbitkan akhbar itu pada 28 September 2017. Tinjauan Institut Darul Ehsan (IDE) pula pada Februari lalu membabitkan 2,018 responden di 56 kawasan Dewan Undangan Negeri mendapati sokongan rakyat Selangor terhadap Kerajaan Negeri adalah sebanyak 62% manakala tinjauan IDE terbaru pada Ogos lalu membabitkan lebih 4,000 rakyat di 130 kawasan parlimen di Semenanjung Malaysia mendapati 49% responden menganggap prestasi Kerajaan Negeri Selangor pimpinan Y.A.B. Bukit Antarabangsa adalah cemerlang. Satu lagi tinjauan oleh Merdeka Centre oleh Opinion Research yang diterbitkan pada Jun 26, 2016 memperolehi hasil bahawa 65% daripada 1,011 rakyat di 56 kawasan Dewan Undangan Negeri Selangor berpuas hati dengan pentadbiran Y.A.B. Bukit Antarabangsa. Berdasarkan tinjauan oleh organisasi media Sinar Harian, badan pemikir berkaitan Kerajaan Negeri dan badan

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

pemikir bebas sejak tahun lalu tahap kepuasan dan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Selangor adalah konsisten pada paras antara 50% hingga 70%. Hasil tinjauan berkenaan tepat dan memberikan gambaran sebenar sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Selangor berikutan respondennya membabitkan lelaki dan perempuan, semua kaum, semua kelas pendapatan, semua kawasan Dewan Undangan Negeri yang terdiri daripada kawasan urban, semi urban dan luar bandar. Ini penting untuk pengetahuan pihak sana. Berdasarkan tinjauan-tinjauan yang dilakukan itu boleh dirumuskan faktor utama yang mendorong kepuasan dan sokongan rakyat melonjak terhadap Kerajaan Negeri Selangor adalah disebabkan keyakinan rakyat bahawa Y.A.B. mampu membawa kestabilan pentadbiran dan mempertahankan kedaulatan Negeri Selangor walaupun diserang dan diasak oleh kepimpinan UMNO Barisan Nasional yang menerajui Putrajaya. Rata-rata rakyat khususnya pengundi teruja akan kemampuan pimpinan Negeri Selangor mengekalkan kestabilan dan kerjasama padu melaksanakan program Peduli Rakyat yang membantu mengangkat martabat rakyat serta meringankan beban harian mereka akibat dasar Putrajaya yang menindas anak Selangor menerusi GST dan cukai lain yang mendera. Keberkesanan Program Peduli Rakyat terutama yang berimpak tinggi seperti perkhidmatan percuma Bas Smart Selangor, Skim Peduli Rakyat, Skim Peduli Sihat, Skim Peduli Siswa, air percuma, pengecualian cukai pintu penduduk kampung dan fi lesen perniagaan, Skim Hijrah Selangor, Skim Mesra Usia Emas, TAWAS, Skim Dana Sell, Skim Smart Sewa dan program lain turut mendorong melonjakkan sokongan rakyat Selangor kepada pimpinan Kerajaan Negeri. Kemurahan hati Kerajaan Negeri membela penjawat awam Negeri juga meningkatkan sokongan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Tahap keberkesanan Peduli Rakyat ini bukan sahaja mendorong melonjakkan sokongan rakyat kepada Kerajaan Negeri Selangor, malah mendorong Putrajaya yang diketuai Dato' Seri Najib Razak mencedok, mempergiat dan meniru dasar Kerajaan Negeri ketika pembentangan bajet Persekutuan 2018 dengan harapan beliau akan memperoleh sokongan rakyat yang semakin hari semakin menjauhi beliau.

Tidak dilupakan dasar Putrajaya yang menindas seperti pelaksanaan GST, duti eksais yang melampau, kegagalan menangani inflasi, kemerosotan nilai ringgit, sikap mewah berbelanja pemimpin Persekutuan, urus tadbir yang lemah seperti yang ditunjukkan dalam pengagihan bajet Persekutuan 2018 telah menambahkan lagi kebencian dan rasa tidak puas hati rakyat terhadap Kerajaan Persekutuan sekaligus membawa perbandingan kepimpinan Perdana Menteri dengan Dato' Menteri Besar Negeri Selangor. Akibatnya sokongan kepada Kerajaan Negeri Selangor bertambah kukuh dan pada masa sama sokongan kepada Kerajaan Persekutuan terutama di Selangor bertambah sangat tidak popular. Hasil dapatan tinjauan-tinjauan ini digunakan bagi mengukur sokongan rakyat terhadap dasar dan program Kerajaan Negeri. Rakyat

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

jelas mahukan Kerajaan Negeri prihatin dengan kesusahan mereka akibat dasar Putrajaya yang menindas. Justeru, Kerajaan Negeri akan meneruskan semua program Peduli Rakyat dan menambah baik pelaksanaannya dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri tidak mudah berpuas hati dengan usaha yang dilakukan setakat ini. Kerajaan Negeri akan sentiasa mencari jalan memberi perkhidmatan dan penyampaian yang terbaik kepada anak Selangor. Kerajaan Negeri juga memberdaya golongan yang memerlukan perhatian khasnya golongan berpendapatan rendah supaya mereka dapat keluar daripada edaran celaka atau *virtuous cycle* sekali gus memperbaiki taraf hidup mereka.

Kepimpinan Kerajaan Negeri turut sedar bahawa politik kaum memainkan peranan besar dalam membentuk persepsi terhadap kestabilan Negeri. Maka pimpinan Negeri Selangor komited mempertahankan kedaulatan Istana Selangor, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain dan menjunjung agama Islam serta kebebasan penganut agama lain beribadah. Semua perkara yang disebutkan tadi adalah pendekatan-pendekatan Kerajaan Negeri dalam menguruskan Selangor supaya Negeri ini menjadi model masa depan Malaysia apabila berlaku perubahan kepimpinan di Putrajaya kelak.

**TUAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO memandangkan sokongan, tahap kepuasan hati rakyat terhadap Kerajaan Negeri berada dalam 50% hingga 70%. Jadi bagaimanakah Kerajaan, apakah mekanisme yang akan digunakan oleh Kerajaan untuk menambah lagi keyakinan dan sokongan rakyat terutamanya di luar bandar khususnya di kawasan Hulu Bernam, Batang Kali dan Sungai Panjang. Bagaimana, adakah cara baru untuk menambah lagi melonjak lagi daripada 70%. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker. Melalui strategi yang telah pun diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat dalam pembentangan bajet tersebut. Kerajaan Negeri percaya bahawa mekanisme itu sudah mencukupi untuk melonjakkan lagi sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri Selangor. Cuma kita hendaklah memastikan pelaksanaan strategi dan program-program serta rancangan-rancangan yang telah dibentangkan itu dapat dijalankan dengan berkesan.

**TUAN SPEAKER** : Meru.

**Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN** : Minta maaf, Tuan Speaker. Bukan nak tanya soalan, tapi tahniah. Itu sahaja. Terima kasih.

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**TUAN SPEAKER** : Soalan seterusnya, Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih, Tuan Speaker.  
Soalan 74.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : TUMPUAN SUKAN BELIA**

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah jenis sukan atau aktiviti kesukanan yang paling diminati belia/beliawanis ketika ini?
- b) Adakah kajian yang dibuat oleh Kerajaan mengenai kecenderungan kesukanan belia dalam Negeri? Apa hasilnya?
- c) Jelaskan tindakan Kerajaan menangani gejala sosial secara holistik, aktiviti positif seperti sukan?

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, Selat Klang. Tuan Speaker dan Ahli Dewan sekalian, berdasarkan daripada program-program yang disusun oleh penggerak-penggerak Belia Tempatan Negeri dan *trend-trend* program terkini. Bolehlah dirumuskan bahawa antara *trend* atau pun aktiviti sukan sangat digemari oleh generasi muda khususnya oleh belia dan beliawanis di dalam Negeri kita adalah sukan-sukan yang bersifat santai seperti berbasikal, larian, permotoran, futsal dan bola sepak padang. Majlis Sukan Negeri melalui Bahagian Pembangunan Belia Negeri Selangor mendapati bahawa sukan-sukan yang disebutkan ini mempunyai peminat atau pengikutnya yang sentiasa mengikuti perkembangan dan menyertai aktiviti yang dianjurkan biar pun ia hanya bersifat *fun ride* atau *fun run*. Manakala bagi sukan-sukan seperti bola sepak, futsal, permotoran dan juga bola sepak padang, jika dilihat kebanyakan padang-padang bola dan juga aktiviti-aktiviti seperti gelanggang-gelanggang yang lain seperti gelanggang futsal, badminton sentiasa dipenuhi khususnya aktiviti-aktiviti yang disusun pada waktu malam.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri belum mempunyai kajian spesifik yang khusus mengenai topik ini. Namun ia adalah berdasarkan daripada aktiviti yang dipohon oleh PeBT-PeBT dan NGO-NGO serta pencerapan yang dibuat terhadap aktiviti sekeliling dan kita merangkakan dan mendapatkan keputusan ini.



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Bagi yang c pula, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri senantiasanya membuat program yang berteraskan sukan kerana ini merupakan salah satu program yang begitu popular. Malahan *trend-trend* tahun-tahun sebelum ini menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti yang disusun oleh penggerak Belia Tempatan agak lebih *buyers*, atau pun agak lebih daripada program aktiviti sukan dan kecergasan. Justeru, penggerak Belia Tempatan dan juga Majlis-Majlis Tempatan serta Majlis Sukan Negeri Selangor menganjurkan Pesta Sukan Gen-S yang turut menawarkan pertandingan bola keranjang, futsal, bola jaring dan sepak takraw yang disertai lebih daripada 200 pasukan dan kita baru sahaja menamatkan pusingan akhirnya baru-baru ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan, Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Seri Serdang ingin mengajukan soalan kepada Kerajaan. Adakah perancangan pihak Belia Sukan ini merancang selain daripada sukan yang disebut tadi iaitu program memanah, berkuda, berenang dan sebagainya.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya mengingatkan bahawa program-program yang disusun khususnya untuk generasi muda di Negeri Selangor tidaklah bersifat *top down*. Kita bersifat daripada bawah dan ke atas. Maknanya, program-program ini haruslah digerakkan sendiri oleh penggerak-penggerak Belia Tempatan. Haruslah dijana oleh penggerak-penggerak Belia Tempatan dan juga NGO-NGO atau pun Pertubuhan-Pertubuhan Belia yang ingin bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri. Jadi kita amat terbuka dengan konsep ini selagi mana ia tidak menggalakkan aspek jenayah, ia tidak menggalakkan perpecahan di kalangan masyarakat dan seterusnya ia tidak menggalakkan aktiviti-aktiviti yang kurang sihat seperti perjudian dan sebagainya. Jadi beberapa aspek ini sentiasa kami berikan dan kami sokong apa juga yang dipohon berdasarkan kepada peruntukan dan juga kemampuan kita di pihak Majlis Sukan Negeri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih. Saya nak tanya, Tuan EXCO iaitu adakah inisiatif atau pun rancangan Negeri Selangor untuk meningkatkan mutu sukan masa hadapan seperti mengenal pasti *talent-talent* anak muda seperti kita



**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

mengenal pasti mereka. Separuh negara ambil mereka dan didik mereka untuk menjadi pelapis sukan di Negeri.

**Y.A.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih, Yang Berhormat Ijok. Ini agak terpesong daripada soalan asal. Namun begitu saya boleh jelaskan. Kebetulan melibatkan Majlis Sukan Negeri ya. Di pihak kita, apa usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri. Kita telah menempatkan Pegawai-Pegawai kita di peringkat daerah. Kalau sebelum ini Majlis Sukan Negeri, sifatnya agak *centralised* di peringkat Negeri dan kita berurusan hanya dengan Persatuan-Persatuan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Namun kali ini kita letakkan mereka di peringkat daerah supaya segala kemudahan dan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat akar umbi yang biasanya mempunyai mempunyai Aktivistik, Persatuan-Persatuan Sukan Daerah, mahupun sekolah-sekolah dapat kita kenal pasti supaya kita dapat serapkan dia menjadi pelapis-pelapis kita khususnya untuk persediaan SUKMA yang akan kita hadapi pada tiap-tiap tahun. Kalau memang itu, kita telah buat dan kita telah rancang. Cuma secara realitinya. Ini turut diakui oleh Menteri Belia dan Sukan. Secara realitinya ada sedikit konflik di antara pembangunan sukan dan juga pendidikan di mana aspek pendidikan keseluruhannya di bawah Jabatan Pendidikan, sukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negeri. Konflik ini kadang-kadang memang timbul khususnya masa peperiksaan dan sebagainya dan kita sedang mengenal pasti apakah kaedah terbaik termasuk peranan di peringkat *federal* bagaimana untuk meleraikan persoalan ini. Sebaiknya sukan juga digabungkan dengan pendidikan. Saya rasa ini salah satu daripada cadangan dan kita sedang lihat supaya ia boleh lebih seimbang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik? Tidak hadir. Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Soalan nombor 76.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PELABURAN TEMPATAN**

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bagaimanakah prestasi pelaburan tempatan untuk Negeri Selangor?
- b) Apakah bidang-bidang pelaburan yang diberi penumpuan?

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker.

a) Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017, sebanyak 87 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan jumlah modal pelaburan sebanyak RM1,705,855,394. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM870,837,572 (51%) adalah daripada pelaburan tempatan.

b) Sealiran dengan perancangan untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri maju dan menarik pelaburan dalam industri berteknologi tinggi, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada lima (5) sektor industri utama iaitu :-

- i. Elektrik dan Elektronik
- ii. Peralatan Pengangkutan
- iii. Sains Hayat
- iv. Makanan
- v. Mesin dan Peralatan

Daripada beberapa sektor industri utama tersebut, beberapa bidang industri tumpuan telah dikenal pasti berpotensi untuk berkembang di Negeri Selangor seperti *E-Commerce*, Bio-Teknologi, Aero-Angkasa, Industri Halal.

Industri-industri ini semakin berkembang dan mendapat tempat selari dengan arus perkembangan ekonomi dunia yang kini lebih menjurus kepada perniagaan secara e-dagang, sains hayat, bio-teknologi serta aero-angkasa.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Saya nak bertanya tentang prestasi tadi tu. Apakah ada apa-apa *contribution* atau pun inisiatif serta insentif daripada Kerajaan Pusat untuk membantu prestasi kita di sini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, insentif yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan adalah yang sedia ada dan terpakai untuk seluruh Malaysia bukan khusus untuk Negeri Selangor. Jadi ia bergantung insentif termasuk pengecualian cukai mengikut sektor dan mengikut industri yang dipilih oleh pihak Kerajaan Persekutuan.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya nombor 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN LAU WENG SAN  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : BIKE-SHARING**

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini perangkaan garis panduan pelaksanaan *bike-sharing* yang ditugaskan kepada MPSJ memandangkan syarikat-syarikat seperti *Obike*, *Ubike*, dan *Mobike* telah bercadang untuk mengembangkan skop perniagaan mereka di seluruh Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker. Garis panduan pelaksanaan *bike-sharing* telah disediakan dan disyaratkan kepada pihak syarikat *Obike Sdn. Bhd.* Untuk memastikan keberkesanan garis panduan ini, *pilot* projek telah dilaksanakan di kawasan SS15 Subang Jaya. *Pilot* projek ini masih di dalam tempoh percubaan sehingga November 2017 sebelum perkhidmatan *bike-sharing* boleh dilaksanakan di seluruh Selangor.

Sementara itu, tidak ada syarikat seperti *Ubike* dan *Ambike* yang bercadang untuk mengembangkan skop perniagaan mereka di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan nombor 78.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : BILANGAN HOT SPOT WIFI SELANGOR YANG TELAH BEROPERASI DENGAN SEBAIKNYA DI BAWAH DUN SERI SERDANG**

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

- a) Berapakah bilangan *hot spot wifi* Selangor yang telah beroperasi dengan sebaiknya di bawah DUN Seri Serdang?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih, Yang Berhormat Seri Serdang, Yang Berhormat Tuan Speaker. Di DUN Seri Serdang terdapat sebanyak 79 *hot spot wifi* Smart Selangor.

**TUAN SPEAKER** : Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL** : Bolehkah EXCO memberi nama tempat-tempat 79 ini untuk saya dapatkan sebab setakat ini pihak DUN tidak tahu di mana terdapatnya *wifi-wifi* ini. Saya mengharapkan supaya di Dewan-Dewan Orang Ramai diletakkan *wifi* sebab kebanyakan tuisyen rakyat kita buat di dewan-dewan untuk memudahkan pelajar-pelajar tuisyen *online*.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat sebelum ini kita pernah menghantar satu senarai kepada semua ADUN-ADUN dan saya akan memberi sekali lagi khusus untuk DUN Seri Serdang secara bertulis.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 79 telah dijawab bersekali dengan soalan 47. Telok Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya ke 80.

### PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B.TUAN LOH CHEE HENG (N52 TELOK DATOK)

#### TAJUK: TABUNG PEMULIHARAN PROJEK TERBENGKALAI (TEPAT) SELANGOR

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan nama, lokasi dan kos perbelanjaan telah menggunakan Tabung TEPAT untuk memulihkan Projek Perumahan Terbengkalai.
- b) Sila menyenaraikan Projek Perumahan Terbengkalai di setiap PBT.
- c) Nyatakan punca utama kegagalan Pemaju Perumahan menyiapkan Projek serta tindakan diambil terhadap pemaju.

**Y.B. DATO' ISKANDAR B. ABDUL SAMAD:** Selamat pagi, Assalamualaikum Warahmatuallah Wabarakatuh, Bismilahir Rahmannir Rahim, terima kasih kepada Telok Datok, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperuntukan

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

sejumlah RM20 juta di dalam Tabung Pemuliharaan Projek Terbengkalai ataupun TEPAT bagi membantu memulihkan projek terbengkalai di Selangor. Terdapat 2 projek terbengkalai yang telah dikenal pasti untuk dipulihkan di bawah TEPAT iaitu Projek Pembesaran Kampung Desa Mawar, Kuala Selangor dengan peruntukan berjumlah RM6.3 Juta dan Projek Pangsapuri Kos Rendah Rimau Indah, Shah Alam berjumlah RM13 juta. Sehingga kini, Projek Pembesaran Kampung Desa Mawar sedang dalam proses pemulihan dan dijangka siap pada 28 Mac 2018 sementara Projek Pangsapuri Rimau Indah setelah kajian dilakukan, Kerajaan Negeri mendapati bahawa kos untuk memulihkan projek tersebut memerlukan suntikan dana lebih daripada RM13 juta. Sebenarnya kos untuk memulihkannya adalah lebih kurang RM38 juta oleh kerana itu Kerajaan Negeri telah membuat keputusan supaya satu penyelesaian yang lebih menyeluruh untuk pangsapuri kos rendah ini, Rimau Indah dibuka kepada pihak-pihak yang berminat untuk memulihkannya.

Untuk soalan yang kedua, untuk makluman Yang Berhormat sehingga Jun 2017 terdapat 105 projek perumahan terbengkalai di Selangor dengan jumlah unit sebanyak 23,374 unit dan senarainya akan saya edarkan oleh sebab ia terlalu panjang untuk dibacakan di sini. Untuk makluman Yang Berhormat faktor utama yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai tidak dapat diselesaikan adalah disebabkan beberapa faktor iaitu viabiliti projek iaitu pemaju tidak menjalankan "*Feasibility Study*" yang tepat dan akhirnya itu projek itu kekurangan dana untuk dihabiskan. Yang ketiga ialah kurang pengalaman dan kedudukan kewangannya yang tidak kukuh bagi pihak pemaju di mana pihak pemaju tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah tersebut dan menyiapkan projek tersebut. Yang kedua adalah masalah pengurusan yang lemah, yang ketiga ialah malah pengurusan yang lemah, yang empat adalah masalah tidak mendapat pinjaman atau "*bridging loan*" daripada agensi kewangan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 81 telah dijawab bersekali dengan soalan 44. Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 82.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B.TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA)**

#### **TAJUK: PASIR**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Huraikan hasil yang diperolehi oleh Kumpulan Semesta sejak ditubuhkan mengikut tahun.

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

- b) Ke manakah wang tersebut digunakan?
- c) Apakah perancangan untuk penambahbaikan peranan Kumpulan Semesta?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, Yang Berhormat Lembah Jaya ingin mengetahui apakah hasil yang diperolehi oleh Kumpulan Semesta semenjak ia ditubuhkan mengikut tahun. Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Jaya hasil yang diperolehi oleh KSSB mengikut tahun dari tahun penubuhannya adalah seperti berikut. Pada tahun 2008 hasil yang diperolehi adalah hanya RM4.8 juta namun ia terus meningkat pada tahun 2009 kepada RM31 juta, 2014 – RM118 juta, 2015 – RM114.7 juta, tahun 2016 - RM82.8 juta dan sehingga September 2017 telah mencatatkan RM79.4 juta. Ini membuktikan apabila proses itu dijalankan secara terbuka dan telus hasil yang diperolehi KSSB melonjak naik daripada RM4.8 juta pada tahun 2008 kepada lebih RM100 juta semenjak kebelakangan ini. Selain dari perbelanjaan syarikat duit tersebut turut dibelanjakan oleh KSSB bagi tujuan pertama pembayaran dividen kepada pemegang saham iaitu MBI berjumlah RM62.4 juta dari tahun 2008 hingga 2017. Royalti kepada Pejabat Tanah dan Galian berjumlah RM110 juta dari tahun 2008 hingga 2017. Sumbangan dari Kerajaan Negeri sebagai sokongan kepada program-program Kerajaan Negeri antaranya Football Society of Selangor, Tabung pendidikan Tahfiz Al Quran dan Al Qiraat. Majlis sambutan perayaan dan lain-lain lagi dengan keseluruhan jumlah sumbangan dari tahun 2008 hingga 2017 sebanyak RM31.5 juta. Pembayaran kepada tuan tanah bagi tanah-tanah milik GLC yang lain sebanyak RM28.3 juta dari tahun 2008 hingga 2017. Kemudiannya menjalankan kerja-kerja pengorekan dan pembinaan projek HORAS 600 menjalankan kerja-kerja pengorekan dan pembinaan ABAS dan penyelenggaraan Sungai dan muka sauh di seluruh Selangor. Yang Berhormat Lembah Jaya juga ingin mengetahui apakah perancangan untuk menambahbaikan peranan Kumpulan Semesta. Meningkatkan produktiviti untuk membantu industri dengan meningkatkan gaji minimum pekerja di lapangan. Yang kedua membantu kontraktor secara teknikal dan memasuki pasaran yang lebih besar. Ketiga membantu sistem pelaksanaan yang lebih “*efficient*” kepada Pejabat Tanah. Yang keempat memastikan tiada ketelusan hasil daripada penjualan pasir dan yang kelima memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak Selangor untuk terlibat dalam industri perlombongan terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih, HORAS itu kawasan saya, saya nak tanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang pengurusan pasir. Saya difahamkan bahawa pengorekan pasir di HORAS itu memang ada tetapi “*slow*” sebab import pasir dari Negeri Jiran. Jadi apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Selangor untuk menghalang import pasir dari Negeri jiran supaya peniagaan pasir bagi Negeri ini meningkat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Ijok, pertama kita perlu memastikan harga yang ditawarkan itu adalah kompetitif supaya harga yang ditawarkan itu kompetitif maka tidak berlaku lambakan pasir yang datang dari Negeri-Negeri jiran. Yang keduanya kualiti yang dikeluarkan oleh Negeri Selangor juga mestilah kualiti pasir yang bermutu bagi memenuhi industri yang sebenarnya banyak projek-projek yang berskala besar yang sedang rancak berlaku di dalam Negeri Selangor sama ada projek Persekutuan ataupun projek Negeri. Namun permintaan pasir itu memang ada namun dia mestilah diterima dalam suasana permintaan dan juga "*supply and demand*" itu mesti dilakukan. Dan inilah antara perkara yang diteliti oleh Kerajaan Negeri dengan mengadakan sistem yang terbuka dan telus bagi memastikan kontrak kita yang mendapat kerja-kerja ini adalah kontraktor-kontraktor yang berwibawa dan dapat mengeluarkan hasil yang berkualiti bagi industri yang diperlukan, terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih, soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan Negeri sedang atau pun bercadang untuk menjual pasir ke luar negara untuk meningkatkan hasil dan juga mengurangkan stok fail terutamanya di kawasan HORAS 600.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing seperti yang saya nyatakan tadi pada ketika ini kita belum ada sebarang perancangan untuk melakukan demikian kerana permintaan pasir juga di dalam Negeri juga amat tinggi dan sebelum ini kita melihat ada usaha-usaha untuk membawa sindiket untuk membawa pasir kepada Negeri-Negeri jiran kerana untuk memenuhi permintaan. Namun harga yang ditawarkan di Negeri Selangor ini lebih kompetitif dan kualitinya lebih baik maka kita dapat mengawal pergerakan pasir daripada Negeri jiran tetapi pada masa yang sama keutamaan kita ialah untuk memenuhi permintaan dalam Negeri terlebih dahulu sebelum ada perancangan untuk kita eksport pasir kepada Negeri-Negeri yang lain, terima kasih.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sedikit mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mengenai dengan pasir ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar di kawasan saya pun nampaknya GSK Timah ada

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

kerja-kerja perlombongan yang dilakukan, saya rasa banyak hasilnya itu. Cuma baru-baru ini mereka melalui jalan yang baru kita bina dan jalan itu rosak setelah dibina akibat tais dia itu melebihi berat yang dibenarkan. Jadi saya minta syarikat yang berkenaan dalam memungut hasil tenguk dia punya berat keluar masuk daripada lombong pasir dia, GSK Timah ini, terima kasih

**TUAN SPEAKER:** Tidak perlu jawab Bukit Antarabangsa, tidak berkaitan dengan soalan pokok dan berbentuk cadangan. Kajang tidak hadir. Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 54, oh 84.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B.TUAN RAZALY BIN HASSAN (N23 DUSUN TUA)**

#### **TAJUK: PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN DI SELANGOR**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan sedar bahawa chalet-chalet di bawah kelolaan Tourism Selangor di Sungai Chongkak, didapati terlalu usang?
- b) Jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil?
- c) Minta dibentangkan usaha-usaha pembangunan Pelancongan Negeri Selangor yang lepas dan perancangan akan datang secara menyeluruh.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Dusun Tua. Dusun Tua telah tanya tentang keadaan di Sungai Chongkak Park & Resort, keadaan chalet-chalet di sana. Kerajaan Negeri telah menerima aduan pada 9 Oktober 2017 daripada pelbagai pihak berkenaan kemerosotan bilik penginapan di Sungai Congkak Part & Resort dan Kerajaan Negeri telah mengarahkan Tourism Selangor Sdn. Bhd pada tarikh 11 Oktober 2017 untuk menutup chalet dengan serta-merta untuk menaik taraf atau membersihkan chalet-chalet tersebut. Selain daripada itu Kerajaan Negeri telah menghadkan tempahan bermalam hanya untuk aktiviti perkhemahan sahaja dan kawasan riadah awam beroperasi seperti biasa. Dan bangunan-bangunan yang merosot disebabkan oleh ketidaksesuaian pembinaan di hutan tropika harus dirobuhkan dan dibersihkan daripada tempat tersebut. Selain daripada itu pihak Tourism Selangor telah mencadangkan beberapa rancangan untuk jangka masa panjang sebagai contohnya memperkenalkan penjenamaan dan konsep baru terhadap operasi dan servis perkhidmatan di Congkak Part & Resort mengikut "trend" terkini dan mengambil kira kesesuaian dan keadaan sekeliling. Selain daripada itu Tourism Selangor ada



**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

mencadangkan beberapa penaik tarafan, Cuma Kerajaan Negeri mengambil ketetapan bahawa kalau Tourism Selangor Sdn. Bhd. Tidak mampu untuk menjaga atau menguruskan Chongkak Park & Resort maka Chongkak Park & Resort harus dipulangkan kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor supaya JPNS yang menguruskan Park tersebut. Dusun Tua telah tanya tentang usaha-usaha pembangunan Pelancongan Negeri Selangor yang lepas dan perancangan akan datang secara menyeluruh. Saya raya mungkin lebih baik saya menghantar secara tulis kepada Yang Berhormat Dusun Tua tetapi secara ringkasnya sebelum ini Kerajaan Negeri memberi fokus dan keutamaan kepada pelancongan gaya hidup ataupun *“lifestyle tourism”* di mana aktiviti promosi dijalankan untuk mempromosikan tempat-tempat gaya hidup di shopping mall, membeli belah, taman tema, sukan golf, industri kesihatan dan ataupun *“wellness industry”*, festival, pesta dan konsert dan sebagainya. Ini adalah sesuai dengan kedudukan Kerajaan Negeri sebagai Negeri termaju di Malaysia dan juga Kerajaan Negeri berpandangan ketika itu Negeri Selangor perlu menonjolkan kelebihan tersebut yang tidak didapati di mana-mana di dalam negara. Semasa kempen melawat Selangor 2015, Kerajaan Negeri telah memberi fokus kepada segmen pelancongan semula jadi, pelancongan sukan dan pelancongan warisan dengan memilih tema “Discover Selangor, Terokai Selangor. Fokus Kerajaan Negeri semenjak itu diteruskan sehinggalah tahun ini dengan mengekalkan segmen yang sama dengan penambahbaikan segmen yang itu pelancongan ekor, pelancongan sukan dan juga pelancongan warisan dengan tema baru yang lebih segar dan tepat itu *Discover Selangor* Hak of Malaysia. Sesuai dengan tema tersebut maka fokus Kerajaan Negeri untuk mempromosikan Negeri Selangor sebagai sebuah Negeri yang unit dan nadi kepada Negara Malaysia. Negeri Selangor sebagai Negeri termaju dan menjadi pusat tumpuan rakyat dari serata Negeri untuk mencari rezeki di Negeri ini kepelbagai latar belakang kaum budaya dan cara hidup telah menjadikan Negeri ini sangat unik. Maka fokus untuk tahun depan kita akan menaik taraf dan juga mempromosikan produk-produk pelancongan ekor dan agro. Pada masa yang sama kita akan menumpukan perhatian kita untuk menaikkan nama Kajang sebagai satu destinasi warisan di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan No. 85.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KEDAI BESI BURUK HARAM**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

- a) Apakah kronologi tindakan Kerajaan Negeri terhadap kedai besi buruk haram di Seksyen 18 Petaling Jaya?
- b) Mengapa kedai-kedai tersebut masih beroperasi walaupun aduan dibuat sejak 2013.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker, terima kasih kepada Bukit Gasing. Berikutlah merupakan kronologi tindakan peserta statistik yang telah diambil oleh pihak Majlis MPPJ dari tahun 2013 sehingga kini. Jenis tindakan kompaun jumlah 182 sitaan 76, jumlah tindakan yang telah diadakan atau pun diambil adalah sebanyak 258. Walau bagaimanapun saya juga difahamkan masih terdapat kedai-kedai besi buruk di kawasan itu justeru itu saya akan meminta MPPJ untuk mengambil tindakan yang lebih tegas dalam ..... Sekian.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Memandangkan bilangan kompaun sitaan yang amat tinggi yang telah dinyatakan tadi tetapi kedai besi buruk masih beroperasi. Adakah Kerajaan Negeri akan buat langkah yang lebih tegas contohnya merampas tanah kerana salah guna tanah, melanggar syarat guna tanah.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih Bukit Gasing. Saya rasa lebih praktikal mensitakan premis mereka untuk menghentikan operasi.

**TUAN SPEAKER :** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN :** Soalan saya no. 86, Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : CADANGAN MENGADAKAN MATA PELAJARAN KHAS KEIBUBAAPAN DAN PENDIDIKAN ANAK DI SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH KAWALAN NEGERI SELANGOR**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan kes-kes anak derhaka, penagihan dadah, melakukan jenayah gengsterisme semakin bertambah, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memasukan mata pelajaran Pendidikan Keibubapaan dan Pendidikan Anak di sekolah-sekolah Negeri Selangor berteraskan ajaran Islam?

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

b) Jika ya, sila nyatakan perancangannya, jika tidak, nyatakan alternatifnya.

**Y.B. TUAN NIK NAJMI NIK AHMAD :** Terima kasih Yang Berhormat Dusun Tua. Bagi jawapan a) cadangan untuk memasukan mata pelajaran Pendidikan Keibubapaan dan Pendidikan Anak di sekolah-sekolah di Negeri Selangor yang berteraskan ajaran Islam. Bagi peringkat secara umum Kerajaan Negeri tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengujudkan mata pelajaran di bawah syllabus pembelajaran di sekolah-sekolah yang secara umum. Penggubalan mata pelajaran tak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun untuk Sekolah-sekolah Agama dan sebagai mungkin pihak JAIS kita boleh berbincang untuk mengadakan mata pelajaran tersebut. Tentang apakah alternatif-alternatif lain untuk kita mengatasi masalah sosial yang berlaku di kalangan anak-anak Jawatankuasa Pendidikan dan juga Pembangunan Modal Insan yang bawah seliaan saya kita ada program insan yang melibatkan golongan keluarga dan di dalam program-program pendidikan yang kita ada misalnya karnival pendidikan baru-baru ini. Kita banyak ada slot-slot *parenting* dengan izin yang mana membolehkan ibu bapa untuk mendapat pendedahan tentang bagaimana membina satu keluarga yang baik dan positif. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 87.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI SELANGOR  
2003**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bagaimana pembahagian harta sepencarian mengikut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003, Seksyen 122 dapat dibuat secara adil?

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker, Taman Medan bertanya persoalan keadilan pembahagian harta sepencarian mengikut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2013 Seksyen 122. Dalam memutuskan sesuatu tuntutan pembahagian harta pencarian Mahkamah akan melihat kepada setakat sumbangan yang dibuat oleh pihak-pihak yang memperolehi harta tersebut. Justeru pihak-pihak yang terlibat perlu membuktikan kepada kepada Mahkamah berkenaan setakat sumbangan yang telah dibuat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam memperoleh harta tersebut. Pihak-pihak juga

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

perlu membawa saksi bagi menyokong dakwaan mereka. Setiap pihak diberi hak dan peluang yang sama sepanjang tempoh perbicaraan iaitu soal utama, soal balas dan soal semula dan mereka juga diberi peluang untuk mengemukakan hujah di penghujung prosiding. Hakim bicara akan membuat keputusan berdasarkan keterangan dan hujah pihak-pihak selaras dengan pesalah dan peruntukan Undang-undang yang sedang berkuat kuasa dan saya kira hakim akan buat keputusan yang adil di dalam menentukan pembahagian tersebut.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Soalan tambahan. Adakah sumbangan...

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Adakah sumbangan tersebut dalam imbuhan atau pun sumbangan seperti menjaga yang subjektif yang tidak ada bayaran imbuhan juga dikira sebagai sumbangan.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya kira itu juga ada akan dipertimbangkan oleh Hakim dalam membuat keputusan. Yang penting adalah keputusannya, yang dibuat itu adalah adil dan boleh diterima oleh dua-dua pihak.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Soalan tambahan. Hakim juga manusia jadi mungkin pertimbangan atau dibuat itu tidak benar-benar menunjukkan keadilan. Jadi apa yang saya pohon adalah apakah kita boleh memastikan keputusan yang dibuat oleh pihak Hakim adalah keputusan yang adil, khususnya bagi bekas isteri sebab selepas bercerai tidak ada pembiayaan daripada pihak suami terutama sekali dari segi penjagaan anak-anak cuma isteri yang terpaksa menanggung segala kos tersebut.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih saya kira pihak yang tidak berpuas hati juga boleh membuat rayuan kepada Mahkamah yang lebih tinggi dan pihak Mahkamah juga ada rayuan.

**TUAN SPEAKER :** Semenyih.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Tidak hadir. Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 88, eh 89.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : PROGRAM SKIM MESRA USIA EMAS**

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Nyatakan jumlah penerima dan jumlah pembayaran Skim Mesra Usia Emas (SMUE) sejak tahun 2008.
  - b) Nyatakan jumlah pendaftaran OKU di bawah SMUE sejak tahun 2008.
  - c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengkaji semula dasar SMUE? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BT ALWI :** Terima kasih Kuala Kubu Baharu, Tuan Speaker Skim Mesra Usia Emas adalah antara program IPR atau pun inisiatif Peduli Rakyat yang terawal yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak 2008 dan satu program yang berimpak tinggi. Sehingga kini jumlah penerima dan juga jumlah pembayaran Skim Mesra Usia Emas sejak 2008 bagi keseluruhan Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan jumlah penerima fasal 1 seramai 88,259 jumlah penerima fasal 2 seramai 85,966 jumlah ringgit untuk fasal 1 adalah RM88,259,000 dan jumlah ringgit untuk fasal 2 adalah sebanyak RM128,944,000 jumlah RM keseluruhan adalah RM217,208,000.

Bagi soalan b) pendaftaran OKU atau pun golongan orang kurang upaya sejak 2008 sehingga 30 September 2017 adalah seramai 10,497 orang. Untuk c) buat masa ini Kerajaan Negeri masih mengekalkan dasar Skim Mesra Usia Emas sedia ada. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan sekiranya terdapat cadangan penambah baik terhadap dasar ini agar dapat dimuafatkan oleh seluruh rakyat Selangor. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat skim peduli sihat Kerajaan Negeri yang ada telah pun dipanjangkan kepada para peserta Skim Mesra Usia Emas dan warga emas yang usia 60 tahun ke atas dan kelayakan hanyalah mereka berusia 60 tahun ke atas dan adalah rakyat Negeri Selangor jadi ini juga adalah satu lagi rasa ikhsan Kerajaan Negeri kepada warga emas ini untuk memastikan kesihatan mereka terjaga dengan baik. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Saya nak tanya kepada Yang Berhormat EXCO kerana terdapat perbezaan lebih kurang 2,000 orang penerima fasal 8pertama dan fasal kedua. Adakah ini ialah kerana fasal 2 di dalam tempoh dua ini setiap tahun kita mempunyai perbezaan yang mengundang pihak pembangkang yang mengatakan kita ini tidak membuat laporan yang tepat.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BT ALWI :** Terima kasih Kuala Kubu Baharu benar bahawa fasal 1 kita kalau mengikut angka 88,259 sementara untuk fasal 2 adalah

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

85,966 dan ini menunjukkan bahawa kita melaksanakan 2 fasal. Fasal 1 yang dilaksanakan atau pun diserahkan oleh ADUN sendiri sebanyak RM1,000 kepada waris-waris dalam masa yang terdekat selepas berlakunya kematian dan untuk fasal 2 akan di berikan semasa 60 hari. Jadi sebab itulah ada beza dalam lebih kurang 3,000 kerana kita ada 56 DUN jadi setiap DUN ada beberapa puluh jadi kalau 56 DUN mungkin ianya mencecah kepada 3,000 number dan ini adalah satu angka yang betul dan sememangnya tiada apa-apa yang perlu dipertikaikan dengan angka ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Speaker, saya ingin lanjutan daripada jawapan daripada pihak EXCO soalan no. c) dan pengajian Skim Mesra Usia Emas. Saya ingin bertanya pada sidang yang lepas pihak EXCO ada bercakap atau pun bernyatakan bahawa hasrat pengkajian semula ini seperti mana skim ini akan memberi manfaat semasa hidup maknanya warga emas masih hidup. Apakah sebenarnya status dan pengajian ini dan bilakah ini akan dilaksanakan dan disebabkan kita mencadangkan supaya 2,500 itu sebahagian besarnya mereka menikmati semasa hidup. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Batu Tiga. Seperti apa yang Batu Tiga sebut tadi bahawa buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum mempertimbangkan tentang 2,500 ini untuk diberikan sebahagiannya kepada mereka sewaktu hidup tetapi kita menambahbaik dengan pelaksanaan program Skim Peduli Sihat ini maknanya mereka ini memang automatik layak untuk program kesihatan Kerajaan Negeri. Jadi itu yang dipersetujui di peringkat Kerajaan Negeri dan juga mungkin melalui program KISS warga-warga emas wanita ini juga mereka juga menepati syarat Insyallah mereka juga akan layak untuk mendapat kemudahan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya ingin mendapat penjelasan yang tepat daripada EXCO ini Yang Berhormat EXCO bagaimana perbezaan antara fasal 1, fasal 2 tadi dan punca yang menyebabkan perbezaan sedangkan sepatutnya waris kena menerima dan menjadi tanya-tanya jadi perlu lebih jelas terperinci, itu saya nak.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BT ALWI :** Terima kasih Hulu Bernam. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan Negeri kita memang dah maklum tentang

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

bagaimana fasal 1 dan fasal 2 ini dilaksanakan jadi cuma mungkin Hulu Bernam yang mungkin tidak dapat mungkin tidak maklum kepada perkara tersebut. Fasal 1 dilaksanakan apabila berlaku 1, 1 kematian oleh warga emas dan pihak ADUN akan mengeluarkan 1,000 untuk diserahkan kepada waris tersebut dan untuk fasal 2 iaitu RM1,500 daripada RM2,500, RM1,000 kita telah serahkan pada fasal 1 maka 1,500 kita akan serahkan fasal 2 selepas segala dokumen-dokumen kematian diserahkan oleh Pejabat DUN kepada Daerah untuk diproses dan Pejabat Daerah akan memastikan panggilan untuk fasal 2 untuk pemberian 1,500 yang balance itu diserahkan kepada waris. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Meru.

**Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan no. 90.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEGAWAI PENJAWAT AWAM KONTRAK KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan penjawat awam kontrak pelbagai peringkat bagi setiap jabatan? Senaraikan.
- b) Di Jabatan manakah bilangan 5 tertinggi penjawat awam kontrak ini?
- c) Apakah halangan yang dikenal pasti untuk menyerap mereka kepada jawatan tetap?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker Yang Berhormat Meru ingin mengetahui bilangan penjawat awam yang bertaraf kontrak di pelbagai peringkat di dalam Negeri Selangor. Berdasarkan rekod sistem Human Resource Management Information System atau pun HRMIS yang dibina oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia sehingga 21 Oktober 2017 terdapat seramai 5,639 orang penjawat awam lantikan kontrak pelbagai jawatan di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan saya mempunyai lampiran penuh tentang bilangan penjawat awam kakitangan kontrak di pelbagai jabatan dan ini akan saya serahkan kepada Yang Berhormat Meru secara bertulis kerana senarainya terlalu panjang. Yang kedua berdasarkan rekod sistem HRMIS sehingga 21 Oktober 2017 5 jabatan yang mempunyai jumlah penjawat awam yang tertinggi ialah yang bertaraf kontrak adalah seperti berikut Majlis Bandar



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

raya Shah Alam – 796, Majlis Bandar raya Petaling Jaya – 679, Majlis Perbandaran Subang Jaya – 645, Jabatan Agama Islam Selangor – 484 dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor – 437. Antara halangan yang dikenal pasti untuk menyerap penyandang lantikan kontrak ke jawatan tetap adalah seperti berikut :

(i) Tidak mematuhi kelayakan skim yang sedang berkuat kuasa. Sebagai contohnya terdapat penyandang lantikan kontrak di Kumpulan Pelaksana yang hanya memiliki akademik Darjah 6 sedangkan kelayakan akademik minimum ketika ini bagi Kumpulan Pelaksana adalah Penilaian Menengah Rendah (PMR).

(ii) Kekangan perjawatan tetap di mana terdapat jabatan yang mempunyai jumlah penyandang lantikan kontrak yang hampir sama dengan jumlah perjawatan tetap terutamanya di Pihak Berkuasa Tempatan.

(iii) Terdapat jawatan kontrak yang diwujudkan adalah khusus untuk sesuatu tugas sahaja dan tidak boleh diisi oleh pelantikan tetap. Oleh itu, penyandang lantikan kontrak tersebut tidak boleh dilantik tetap kerana tiada keperluan dan tidak wujud perjawatan tetap di sesuatu jabatan itu.

(iv) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor menggunakan pakai Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam berhubung Panduan Pengambilan Pegawai Lantikan Kontrak atau Contract of Service untuk tujuan pelantikan secara tetap yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia atau pun JPA. Dasar ini menetapkan bahawa pegawai lantikan secara kontrak perkhidmatan atau pun contract of service yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun boleh dilantik secara tetap mulai 1 Julai 2016 tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, dasar ini hanya terpakai kepada pegawai atau pun kakitangan yang dilantik secara kontrak sebelum atau pada 23 Oktober 2015 sahaja dan tidak terpakai kepada lantikan selepasnya, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Peraturan Tetap 24.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya mengambil 91 bukan soalan saya

**TUAN SPEAKER:** Saya tidak benarkan, Hulu Kelang. Sri Muda tidak hadir ya. Soalan 92 telah dijawab bersekali dengan soalan 61. Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Soalan 93.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN NG SZE HAN  
(N30 KINRARA)**



**TAJUK: CERUN**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan cerun-cerun kritikal yang memerlukan tindakan segera mengikut
- b) Sejauh manakah tindakan yang telah diambil terhadap cerun-cerun tersebut?
- c) Nyata impak kewangan kepada setiap PBT dalam mengatasi masalah tersebut.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Kinrara, mengenai cerun yang kritikal saya ada senarai setiap PBT mengenai cerun-cerun yang kritikal dan juga yang telah dikenal pasti oleh Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing dan saya tidak menyebut setiap nama cerun dan saya akan bagi satu jumlah keseluruhannya untuk MPSA ada 4 dikenal pasti dan cadangan kerja-kerja penambahbaikan akan dilakukan. Di MPPPJ ada 13 tapak, MPK - 2, MPAJ – 9, MPSJ – 16, MPS Selayang -178, MPKj – 5, MP Sepang – 1, Kuala Selangor – 1. Saya akan bagi senarai secara bertulis kepada Yang Berhormat. Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai cerun turut membuat pemantauan di kawasan cerun berisiko mengikut kaedah yang disyorkan oleh Cawangan Cerun Jabatan Kerja Raya dan Perunding Juru teknikal lain. Selain daripada itu PBT sedang berusaha memperkuatkan keupayaan dan keanggotaan Unit Cerun di Jabatan Kejuruteraan masing-masing. PBT tidak mempunyai peruntukan khas untuk kerja-kerja pembaikan cerun walau bagaimanapun bagi mengatasi masalah tersebut PBT telah memperuntukan Tabung Amanah dan peruntukan MARRIS bagi menjalankan kerja-kerja kritikal serta secara pinjaman ataupun geran daripada Kerajaan Negeri mengikut situasi yang berkaitan, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tuan Pengerusi soalan saya nombor 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK: PENGHANTARAN PELAJAR SELANGOR KE TIMUR TENGAH**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi Kerajaan Negeri untuk masa akan datang?
- b) Apakah mereka masih dianggap sebagai asnaf?

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, Sabak bertanya tentang penghantaran pelajar Selangor ke Timur Tengah. Oleh sebab dasar agihan semasa oleh Lembaga Zakat Selangor dihadkan pembiayaan kepada asnaf, fakir dan miskin serta penerima sedia ada sahaja Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meneruskan penghantaran pelajar ke Timur Tengah dengan pembiayaan Kerajaan Negeri sehingga Lembaga Zakat Selangor mampu melaksanakan penghantaran pelajar seperti sebelum ini. Secara umumnya semua pelajar yang menuntut semua memenuhi aslahamah keperluan sejagat demi meninggikan syiar Islam bolehlah di golongan sebagai asnaf fisabillillah, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 95.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK: STESEN BAS BISTARI JAYA**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keadaan bas Stesen Bestari Jaya tidak memuaskan dan mendapat banyak teguran dari pengguna. Apakah perancangan untuk membaiki bas stesen tersebut?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Ijok, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor telah menawarkan kerja-kerja membaik pulih, kemudahan perhentian bas awam di pekan Bestari Jaya melalui akses 121/2012 berjumlah RM104, 740 oleh Tetuan Indah Resources, sekian.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya nak tanya bila akan mula, sebab masalah ini telah berlarutan selama 2, 3 tahun.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Ijok seperti apa yang saya terangkan tadi bahawa kerja-kerja telah ditawarkan dan akan kerja secepat mungkin.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan saya 96.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK: PELAN JANGKA PANJANG AGENDA PENGANGKUTAN AWAM  
SELANGOR**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pelan jangka panjang agenda pengangkutan awam oleh Kerajaan khususnya yang melibatkan Bas SMART Selangor?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, sebahagian besar daripada soalan ini berkenaan dengan pelan jangka masa panjang agenda pengangkutan awam telah pun dijawab semasa saya menggulung perbahasan rang undang-undang perbekalan dan juga soalan semasa soal jawab. Cuma saya ingin menambah bahawa selain daripada aplikasi bas SMART Selangor iaitu Selangor "*Transport Information*" Sistem yang akan membolehkan pengguna bas mengenal pasti kesemua 34 laluan bas percuma iaitu bas SMART Selangor dan PJ City bas yang dapat menjejak perjalanan bas semasa "*real time*" dan menyemak waktu ketibaan bas. Pengguna juga mendapat "*passenger information*" sistem di setiap perhentian bas dengan mengibas Qikod menggunakan telefon pintar, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor 97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN NG TIEN CHEE  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK: PERMOHONAN GERAN TANAH TAMAN CHERAS PRIMA**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perkembangan terkini permohonan geran tanah Taman Cheras Prima, daerah Hulu Langat.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, Yang Berhormat Balakong ingin mendapatkan maklum balas dan perkembangan terkini berhubung dengan geran tanah Taman Cheras Prima. Untuk makluman Yang Berhormat Balakong, geran yang dimaksudkan telah pun selesai didaftarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dan geran-geran ini akan dihantar ke Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

minggu depan untuk membolehkan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat menyerahkan geran-geran ini kepada pemilik-pemilik yang berkenaan, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat tidak hadir, Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tuan Speaker soalan nombor 99.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B.PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL (N41 BATU TIGA)**

**TAJUK: USAHAWAN HIJRAH**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu peniaga kecil HIJRAH mengembangkan perniagaan mereka?
- b) Berapa ramaikah peminjam HIJRAH yang dikategorikan Berjaya dalam perniagaan mereka?
- c) Apakah HIJRAH mempunyai usaha bersepadu dengan PBT bagi menyediakan premis perniagaan di pasar malam atau lokasi-lokasi tertentu dalam PBT?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker dan Batu Tiga di atas soalan yang dikemukakan, pertama soalan a, Hijrah berfungsi sebagai badan untuk memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga dan usahawan-usahawan yang sedang dan ingin mengembangkan perniagaan. Manakala program-program pengembangan, latihan kursus dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri Selangor dan agensi-agensi yang berkaitan. Program-program seperti latihan, promosi dan juga program "*packing*" yang dilaksanakan oleh pihak jawatankuasa tetap usahawan akan mengambil kira masalah usahawan-usahawan Hijrah di sana. Di samping turut menarik peserta-peserta mereka menyertai program seperti *Program Made In Selangor* yang kita akan mulakan pada bulan Disember ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya memang berpandangan supaya ada satu Institusi yang komprehensif program pembangunan usahawan dan saya lihat Hijrah dengan senarai pegawai dan juga kekuatan yang sedia ada sudah boleh berfungsi namun kita memerlukan sedikit masa pelarasan bagaimana Hijrah bukan hanya berfungsi sebagai badan pemberi dan penerima pinjaman sebaliknya sebagai satu badan untuk menganalisis, mengkaji dasar program-program pembangunan usahawan dan seterusnya sebagai pusat rujukan usahawan. Akhir tahun ini akan mengumpulkan 10,000 daripada 30,000 penerima Hijrah untuk kita berikan satu program peningkatan pemahaman usahawan dan cabaran-cabaran baru yang kita panggil sebagai karnival

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

usahawan dulu karnival usahawan hanya menumpu kepada program memperkenalkan produk dan bezanya kali ini kita memanggil peserta-peserta ini yang terpilih, terbaik kita juga akan berikan anugerah kepada mereka-mereka dalam perniagaan dan sebagainya. Sebagai usaha-usaha awal menjadikan peserta-peserta Hijrah ini diperkasakan ataupun diperdayakan. Yang keduanya saya ini hampir sama dengan soalan daripada Tanjung Sepat tadi cuma saya ingin kemukakan pada tahun lepas sewaktu kita membuat sedikit kajian menunjukkan di kawasan Sabak Bernam dan Sungai Besar tadi angkanya sudah dapat 80.4% penerima-penerima Hijrah merasakan bahawa pinjaman Hijrah mampu menghapuskan hutang petani dan nelayan serta pinjaman kepada peraih-peraih pada ketika itu. Ini menunjukkan ada kesan yang sangat positif kepada penerima-penerima Hijrah. Untuk C, kajian tersebut lebih detail, kajian tersebut menunjukkan seramai 8,283 orang dengan nilai pinjaman sebanyak RM96.3 Juta telah selesai membayar baik dengan baik bagi pusingan pertama. Daripada jumlah ini seramai 6,975 orang atau 84.2% telah membuat pinjaman ulangan bernilai besar dan baki 1,307 orang iaitu 15.8% tidak keluar dari ahli Hijrah tetapi tidak meminjam kembali. Ini menunjukkan bahawa salah satu kategori yang kita tetapkan tadi 80% peminjam-peminjam dari Sungai Besar dan Sabak Bernam meminjam balik, makna mereka mampu menghabiskan bayaran di peringkat awal dan meminjam untuk mengembangkan perniagaan dan menunjukkan keupayaan mereka untuk membayar dengan sangat besar. Untuk C pula kita tidak bekerjasama untuk memberikan tempat-tempat, ada pelan untuk membina bazar Hijrah namun daripada rekod yang kita dapat kebanyakan penerima-penerima Hijrah ini mereka yang berniaga pasar pagi, pasar malam, penjaja-penjaja dan mereka sudah mempunyai tapak-tapak yang sedia ada namun begitu urusan-urusan aktiviti ini diuruskan oleh Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan Negeri.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih, saya ingin nyatakan di sini program Hijrah ini seperti piramidlah bukan program, piramid takungan-takungan usahawannya ramai tetapi bila kita pergi kepada program pengembangan kepada usahawan-usahawan ini. Saya lihat hanya pihak Hijrah mungkin dalam program usahawan sahaja yang terlibat jadi saya ingin bertanya apakah pihak Kerajaan mahu melibatkan pihak PBT dalam memberi pengembangan ini. Sebab jawapan dari EXCO tadi seolah-olahnya peminjam ini ramainya datang hanya daripada peserta-peserta yang sedia ada tapi pada hakikatnya tidak. Mereka juga ramai sebenarnya bermula berjinak-jinak dengan perniagaan dan akhirnya mereka telah berjaya program ini. Soalan saya semula apakah peranan yang boleh pihak usahawan, EXCO usahawan bawa sekali PBT untuk pastikan pengembangan program ini dapat dibuat lebih baik, itu sahaja soalan saya.

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Batu Tiga, maksud saya untuk PBT soalan yang dikemukakan awalnya adalah berkenaan dengan lokasi maknanya mereka-mereka yang ingin memulakan perniagaan dan membuka perniagaan. Kita belum lagi sampai ke tahap itu Yang Berhormat sekalian sebab kita menumpu dulu kepada usahawan-usahawan yang sedia ada telah memulakan perniagaan itu maknanya maksud saya tadi. Tapi berkenaan dengan kerjasama dengan PBT tadi kita telah mulakan antaranya kita laksanakan program penempatan untuk Food Truck atau pun CHAT ataupun peralatan lain yang hampir sama dengan Food Truck itu yang digunakan dan pelesenannya sebagainya diuruskan oleh PBT. Maksudnya PBT berfungsi secara membantu untuk penempatan usahawan-usahawan Hijrah. Di masa hadapan sebenarnya kita ingin memperkasakan penjaja-penjaja ini melalui pelaksanaan bazar-bazar Hijrah. Yang itu memerlukan kerjasama erat dengan PBT terutamanya menentukan tapak-tapak yang sesuai, tapak-tapak yang berdaya saing dan mampu membantu memperkembangkan perniagaan ahli-ahli Hijrah mahu pun peniaga-peniaga, usahawan-usahawan di luar sana. Terima Kasih.

**TUAN SPEAKER:** Telok Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 100.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK: ISU PONDOK PENGAWAL DAN PERABOT JALAN RAYA TERSADAI SELEPAS KEGAGALAN PROGRAM *GATED AND GUARDED* TAMAT DI KAWASAN TAMAN PERUMAHAN**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Apakah *Standard Operation Procedure* (SOP) yang mesti dilakukan oleh setiap PBT untuk memastikan kawasan Taman Perumahan yang gagal meneruskan Program *Gated and Guarded* mengalih dan merobohkan pondok pengawal, palang besi dan perabot jalan raya yang menjadi halangan dan *eyesore* pengguna jalan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih Teluk Datok. Berdasarkan SOP permohonan pondok pengawal komuniti, PBT akan mengeluarkan notis arahan kepada Persatuan Penduduk supaya mengalihkan halangan-halangan struktur pondok pengawal terbiar dalam tempoh 14 hari. Sekiranya pihak Persatuan Penduduk di dapati gagal untuk mematuhi arahan dan mengalihkan halangan-halangan

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

tersebut, PBT akan mengambil tindakan penguatkuasaan lanjut yang akan melibatkan operasi pencerobohan pondok pengawal berkenaan, termasuk halangan-halangan yang terdapat di tapak. Penjadualan berkala akan dijalankan oleh pihak Jabatan Penguatkuasa bagi memastikan struktur dan perabot jalan tidak menjadi halangan pengguna jalan. Syarat-syarat bagi mengalih dan meroboh struktur yang sudah diberi kelulusan tamat akan dimasukkan ke dalam sijil kelulusan bagi memastikan perkara dititikberatkan oleh pemohon atau persatuan penduduk. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, soalan nombor 101.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN NG SUEE LIM  
(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK: BANTUAN NELAYAN**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Sila nyatakan secara *detail* apakah program bantuan nelayan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Sila nyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan sepanjang 2017?
- c) Sila nyatakan apakah kaedah pemantauan yang dilakukan bagi mengenal pasti peserta penerima bantuan Nelayan tidak menyalahgunakan bantuan tersebut?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sekinchan. Program bantuan nelayan adalah merupakan satu program yang amat diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor. Ini adalah kerana golongan nelayan adalah merupakan pembekalan kepada salah satu sumber protein kepada kehidupan seluruh rakyat di Negeri Selangor. Bagi memastikan bekalan sumber marin ini tidak terputus Kerajaan Negeri telah menyediakan beberapa bentuk bantuan khusus kepada golongan tersebut. Bantuan yang diberikan adalah berbentuk peralatan untuk menangkap ikan seperti jaring, peralatan *Global ... System* (GBS), jaket keselamatan dan pelbagai lagi. Bantuan sampan dan enjin sudah tidak diberikan lagi semenjak 2016 memandangkan kos permit yang tinggi.

## **10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

Bagi tahun 2017 sejumlah RM0.5 Juta telah pun diluluskan bagi tujuan diberikan bantuan peralatan berbentuk jaring menangkap ikan kepada nelayan seluruh Negeri Selangor. Jumlah penerima adalah seramai 333 orang. Bagi memastikan pemantauan bantuan ke atas nelayan ini yang menerima bantuan oleh Kerajaan Negeri dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Syarat utama yang ditetapkan ialah setiap nelayan mestilah memohon persatuan nelayan yang berdaftar Jabatan Perikanan Selangor. Ini adalah kerana hanya nelayan yang berdaftar saja yang diperakui sebagai nelayan penangkapan ikan sebagai sumber pendapatan utama keluarga. Melalui kaedah tersebut setiap nelayan yang mendapat bantuan akan dipantau secara berkala iaitu sekurang-kurang sekali setahun ketika permohonan membaharui lesen nelayan dan juga melalui pemantauan oleh Jabatan Perikanan Negeri Selangor di jeti-jeti nelayan, dua kali setahun.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan tambahan. Taman Templer berkenaan isu bantuan yang lain. Ini saya dapat jawapan daripada Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri memberi bantuan peralatan Jaring, GPS, jaket keselamatan. Dan bot dan sampan tidak diberikan. Pemantauan hanya sekadar setahun sekali. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat dapat memastikan apakah mekanisme yang akan digunakan bagi memastikan bantuan mereka ini digunakan manfaat, tidak dijual ataupun tidak dijadikan seperti apa yang berlaku sebelum ini, sampan dijual, enjin dijual. Apakah mekanisme yang lebih ketat dapat memantau?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sekinchan. Setakat ini kita tidak menerima sebarang laporan ataupun aduan berkaitan menyalahgunakan bantuan ataupun sumbangan ini. Dan sedikit pembetulan setahun sekali sewaktu permohonan memperbaharui lesen nelayan dilakukan semakan. Dan melalui Jabatan Perikanan Negeri Selangor di jeti adalah 2 kali setahun. Dan kita senantiasa mendapat laporan satu mesyuarat bantuan dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tuan Speaker, soalan saya 102. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN PASAR RAKYAT**



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Berapa jumlah Pasar Rakyat yang telah dibuka mengikut PBT?
- b) Berapa jumlah usahawan yang terlibat mengikut PBT?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Sabak. Sebanyak 1 pasar raya telah dibina setakat ini di Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Manakala Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Daerah Hulu Selangor masih dalam perancangan dan dalam pembinaan. Bilangan keseleruhan usahawan adalah sebanyak 55 orang iaitu di Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang, tidak hadir. Tanjung Sepat tidak ada. Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** Soalan nombor 105. Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN JALAN, LONGKANG, LAMPU JALAN LUAR BANDAR DAN TANAH-TANAH LOT PERSENDIRIAN**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang satu Peruntukan Khas bagi menyelenggara jalan, longkang, lampu jalan luar bandar dan tanah-tanah lot persendirian yang tidak tertakluk kepada sekatan SOP sedia ada Pejabat Daerah & Tanah?

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, Seri Andalas bertanya berkaitan dengan perancangan Kerajaan Negeri untuk mengadakan peruntukan khas bagi penyelenggaraan jalan, longkang, lampu jalan luar bandar dan tanah-tanah lot persendirian. Untuk makluman, Pejabat Daerah Klang tiada peruntukan khas bagi membaiki jalan, longkang, lampu jalan luar bandar dan tanah-tanah lot persendirian yang tidak tertakluk kepada sekatan SOP sedia ada. Walau bagaimanapun Pejabat Daerah dan Tanah Klang telah melaksana penyelenggaraan menggunakan peruntukan sedia ada melalui MARRIS bagi jalan yang layak didaftarkan

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

di bawah MARRIS dan penyelenggaraan di jalan-jalan kampung di atas tanah persendirian peruntukan Kerajaan Negeri seperti mana dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan ke-26/2016 dan disahkan dalam pada Mesyuarat Ke-27/2016. Pejabat Daerah Tanah Klang tiada peruntukan untuk penyelenggaraan longkang, lampu jalan luar bandar di atas tanah persendirian ini adalah tanggungjawab pemilik tanah yang berkenaan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Speaker. Lot-lot tanah ini sudah lama berdiri di beberapa kawasan. Dulu kata mereka ada peruntukan luar bandar yang digunakan untuk majukan jalan dan juga kawasan-kawasan di sana. Adakah Negeri akan adakan satu kelulusan khas untuk kawasan-kawasan ini yang terlibat di antara kampung dengan bandar ini macam dalam bandar juga, lot-lot ini masih ada di dalam kawasan dan kita kena buat sesuatu melalui satu peruntukan khas dari Kerajaan Negeri Selangor untuk baiki jalan mereka dan juga lampu khususnya. Kalau tidak ada kita kena adakan satu program untuk kita buat sesuatu untuk, untuk pastikan kawasan-kawasan ini masuk dalam senarai Kerajaan macam mana kita hendak buat sedemikian.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Seri Andalas, perkara ini juga perkara yang perlu diberikan. Terima kasih di atas cadangan tersebut yang saya kira di peringkat Kerajaan Negeri boleh kita bincangkan bagaimana peruntukan ini boleh di wujudkan. Saya dimaklumkan bahawa sebelum ini peruntukan-peruntukan ini, sehingga kini masih tidak ada lagi peruntukan yang sebenarnya kerana peruntukannya adalah ICU. Yang sepatutnya pada masa ini adalah di bawah bidang tanggungjawab Penyelaras Parlimen Barisan Nasional yang sepatutnya melihat keperluan-keperluan ini diambil kira semata-mata membangunkan kawasan-kawasan luar bandar dan sepatutnya kawasan-kawasan yang disebutkan tadi. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR HALIMAH BINTI ALI :** Speaker. Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Selat Kelang.

**Y.B. PUAN DR HALIMAH BINTI ALI :** Masalah ini, isu penyelenggaraan jalan, longkang, lampu jalan luar bandar dan tanah-tanah lot persendirian selama ini kita memang menghadapi masalah sedikit. Kalau *federal* di bawah ICU dia tidak payah bawah MARRIS ke, saiz ke, apa ke, begitu ketat syarat-syaratnya. Tengok-tengok kita

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

ADUN-ADUN nak buat, belum dapat keputusan, kelulusan, mereka telah buat dah. *MaY.B.e* kualiti tidak baik, sebab itu yang saya diluluskan belum sempat Pejabat Tanah Klang buat dia dah buat tapi sekarang ini telah berlubang balik. Jadi, oleh kerana duit di bawah luar bandar di bawah *federal* atau pun Negeri adalah duit rakyat. Tapi selama ini yang menyatakan oleh Kerajaan Negeri ialah kerana kita ada halangan, ini tanah persendirian sebagainya. Boleh tak saya minta Kerajaan Negeri mengambil kira sebagai peduli rakyat. Mengambil kira masalah ini dan anggap kalau ia di bawah mahkamah kerana mungkin apa, sebab lot persendirian tuan tanah tidak bagi dan sebagai mungkin kemudian hari, sedangkan ICU boleh buat. So kenapa kita tidak boleh mengambil tindakan yang sama atas kepentingan awam. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Selat Kelang. Untuk tujuan jalan-jalan luar bandar sebenarnya usaha Kerajaan Negeri melakukan pencerapan jalan yang ia dapat didaftarkan di bawah MARRIS dan saya kira ini jalan penyelesaian apabila kita telah cerapkan dan didaftarkan maka itu boleh mengendurkan peruntukan MARRIS. Selain daripada itu jalan-jalan *substandard* sebenarnya juga boleh dibenarkan untuk penggunaan peruntukan MARRIS untuk tujuan tersebut. Di bawah peruntukan naik taraf ataupun menaiktaraf jalan-jalan kampung yang mana tahun lepas sebanyak RM15 Juta diperuntukan, tahun ini Insya-Allah apabila diluluskan akan diperuntukan kita ada RM15 Juta untuk tujuan tersebut dan kita juga boleh menggunakan jalan-jalan yang bersifat umum di atas sementara persendirian tetapi masih lagi daripada prosedurnya perlu ada kebenaran daripada majoriti tuan-tuan tanah ya. Dan kita tidak boleh buat secara sewenang-wenang kerana akan berhadapan dengan kepelbagaian masalah dan kita juga, peruntukan kita juga tertakluk kepada auditan dan saya kira amat wajarlah sekiranya kita melakukan ataupun kita menggunakan peruntukan berdasarkan kepada *SOP-SOP* yang telah ditetapkan supaya akhirnya kita tidak terdedah kepada penyalahgunaan kewangan yang telah kita luluskan nanti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Tuan Speaker, soalan 106.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B.PUAN YEO BEE YIN  
(N36 DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: WANITA SELANGOR DI EKONOMI**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar: -

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

- a) Berapakah kadar penglibatan wanita dalam pekerjaan di Negeri Selangor? Bandingkan dengan purata nasional.
- b) Apakah polisi dan tindakan Kerajaan Negeri untuk memperdaya golongan wanita yang bekerja?
- c) Apakah polisi dan tindakan Kerajaan Negeri untuk memperdaya golongan wanita yang merupakan suri rumah?

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama, Tuan Speaker menurut statistik perangkaan Jabatan Perangkaan Malaysia sehingga Mac 2017 kadar penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan di Negeri Selangor adalah 65.4% berbanding kadar penglibatan wanita dalam di bidang pekerjaan di Malaysia 54.3%. jika dibandingkan dengan kadar penglibatan lelaki dalam pekerjaan di Negeri Selangor adalah sebanyak 82.2% berbanding Malaysia secara keseluruhan ialah 80.2%. B, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Selangor satu-satunya Negeri yang telah pun melancarkan dasar wanita dan ini merupakan satu usaha yang baik dan harus dibanggakan dalam memartabatkan status wanita di Malaysia. Melalui usaha ini banyak program yang sedang dirangka dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Di antaranya adalah seminar dan projek perintis keseimbangan hidup bekerja yang akan dilaksanakan melalui Institut Wanita Berdaya (IWB). Seminar dan projek perintis ini adalah bertujuan memastikan wanita bekerja di Selangor mendapat perhatian yang sepatutnya dalam memastikan mereka tidak dibebankan hanya dengan kerja domestik. Usaha ini dilakukan kerana antara faktor yang dikaitkan penurunan tenaga buruh wanita ialah bebanan jagaan anak dan rumah tangga serta penjagaan ibu bapa yang tua diletakkan ke atas bahu wanita. Oleh kerana tidak dapat mencapai keseimbangan antara tanggungjawab, penjagaan dan kerjaya wanita sering memilih untuk berhenti kerja. Kerajaan Negeri turut menyokong golongan wanita yang bekerja dengan melaksanakan Kempen Hormat Wanita dengan menjadikan Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah atau SUK ini sebagai projek perintis dengan menyediakan bilik laktasi dan parkir ibu hamil khususnya bagi golongan wanita yang berkerjaya yang masih produktif. Selain daripada itu golongan suri rumah pula Kerajaan Negeri banyak memberi inisiatif yang baik dalam membudayakan golongan ini. Skim peduli rakyat yang melibatkan wanita telah pun dilaksanakan agar golongan wanita yang menjadi suri rumah tidak ditinggalkan ke belakang. Selain itu, usaha-usaha yang telah dicadangkan untuk dilaksanakan untuk golongan suri rumah ini antaranya adalah Koperasi Wanita Selangor. Koperasi ditubuhkan untuk membantu golongan wanita yang tidak bekerja untuk menceburi bidang perniagaan. Walaupun tidak memperolehi bakat dalam berniaga, melalui koperasi ini wanita akan diberi tunjuk ajar agar mereka mampu membina kapasiti. Koperasi ini juga meliputi bidang yang sedang diceburi wanita yang

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

menjadi suri rumah seperti penjagaan *care giver, post natal* dan perniagaan lain yang dapat menjana pendapatan dan mengangkat status ekonomi wanita. Terima kasih.

**Y.B. PUAN** : (TAK PASTI SUARA SIAPA) Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.00 pagi. Dengan ini, saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Rang Undang-undang Peruntukan Diraja (Pindaan) 2017.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan Diraja, 1959.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2017 perlu dipinda di bawah peruntukan-peruntukan bagi Kelas I, Kelas II, Kelas III, Kelas IV, Kelas VI dan Kelas VII.

Bagi Kelas I, peruntukan telah bertambah daripada **RM655,200.00 (Ringgit Malaysia Enam Ratus Lima Puluh Lima Ribu Dua Ratus)** kepada **RM713,700.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ratus Tiga Belas Ribu Tujuh Ratus)** iaitu pertambahan sebanyak **RM58,500.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Lapan Ribu Lima Ratus)**. Tambahan ini adalah untuk menampung perbelanjaan emolumen di pejabat Istana.

Bagi Kelas II, peruntukan telah bertambah daripada **RM321,540.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Dua Puluh Satu Ribu Lima Ratus Empat Puluh)** kepada **RM372,710.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tujuh Puluh Dua Ribu Tujuh Sepuluh)** iaitu peningkatan sebanyak **RM51,170.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Satu Ribu Satu Ratus Tujuh Puluh)**. Pertambahan peruntukan adalah bagi menampung perbelanjaan emolumen di pejabat Istana.

Bagi Kelas III, peruntukan telah bertambah daripada **RM6,426,871.70 (Ringgit Malaysia Enam Juta Empat Ratus Dua Puluh Enam Ribu Lapan Ratus Tujuh Puluh Satu dan sen Tujuh Puluh)** kepada **RM6,748,814.76 (Ringgit Malaysia Enam Juta Tujuh Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Lapan Ratus Empat Belas dan Sen Tujuh Puluh Enam)** iaitu peningkatan sebanyak **RM321,943.06 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Dua Puluh Satu Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Tiga dan Sen Enam)** Pertambahan peruntukan adalah bagi menampung perbelanjaan emolumen kakitangan Istana.

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Bagi Kelas IV, peruntukan telah berkurang daripada **RM16,319,754.51 (Ringgit Malaysia Enam Belas Juta Tiga Ratus Sembilan Belas Ribu Tujuh Ratus Lima Puluh Empat dan sen Lima Puluh satu)** kepada **RM15,687,064.45 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Enam Ratus Lapan Puluh Tujuh Ribu Enam Puluh Empat dan Sen Empat Puluh Lima)** iaitu pengurangan sebanyak **RM632,690.06 (Ringgit Malaysia Enam Ratus Tiga Puluh Dua Ribu Enam Ratus Sembilan Puluh dan Sen Enam)**. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh pindaan ke atas peruntukan *One-Off* pejabat Istana tahun 2018.

Bagi Kelas VI, peruntukan telah bertambah daripada **RM186,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh Enam Ribu)** kepada **RM217,200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tujuh Belas Ribu Dua Ratus)** iaitu peningkatan sebanyak **RM31,200.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Satu Ribu Dua Ratus)**. Pertambahan peruntukan adalah bagi menampung perbelanjaan emolumen di Pejabat Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda.

Bagi Kelas VIII, peruntukan telah bertambah daripada **RM385,190.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lapan Puluh Lima Ribu Satu Ratus Sembilan Puluh)** kepada **RM492,830.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Tiga Puluh)** iaitu peningkatan sebanyak **RM107,640.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Tujuh Ribu Enam Ratus Empat Puluh)**. Pertambahan peruntukan adalah bagi menampung perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap Istana.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dengan penjelasan tadi, saya dengan ini mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Enakmen DiRaja (Pindaan) 2017 dibaca kali kedua.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan, tak payah gulung, ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan Kali Yang Kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Peruntukan DiRaja 1959.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 1.

**TUAN Pengerusi** : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

**DIPERSETUJUI.**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Fasal 2.

**TUAN Pengerusi** : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

**DIPERSETUJUI.**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Dewan bersidang semula.

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu, saya mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

### DIPERSETUJUI.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Bacaan kali yang ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan DiRaja (Pindaan) 2017.

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul No. 9 Tahun 2017, Usul Peruntukan Pembangunan 2018.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut :-

“Bahawa menurut seksyen 9, subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak **Satu Bilion, Enam Ratus Enam Puluh Juta Ringgit (RM1,660,000,000.00)** yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut seksyen 4(1) Akta sama, seperti mana terdapat di Jadual, hendaklah diluluskan.”

### JADUAL

#### ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN 2018

Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
P.01	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,202,023,000.00



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

P.04	Perbendaharaan Negeri Selangor	2,300,000.00
P.08	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	19,000,000.00
P.10	Jabatan Perhutanan Negeri Selangor	7,000,000.00
P.12	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	200,000,000.00
P.13	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	114,000,000.00
P.14	Jabatan Agama Islam Selangor	106,000,000.00
P.16	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor	3,077,000.00
P.17	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor	6,600,000.00
	<b>Jumlah</b>	<b>1,660,000,000.00</b>

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Sejumlah **RM8,470,000,000.00** (Ringgit Malaysia Lapan Bilion Empat Ratus Tujuh Puluh Juta) telah diperuntukan bagi siling Rancangan Malaysia Kesebelas Negeri Selangor (RMKe-11) untuk tahun 2016 hingga 2020. Jumlah tersebut adalah termasuk **RM1,660,000,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Bilion Enam Ratus Enam Puluh Juta) bagi membiayai projek-projek pembangunan Negeri tahun 2018, di mana **RM1,620,800,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Bilion Enam Ratus Dua Puluh Juta Lapan Ratus Ribu) diperuntukan bagi perbelanjaan langsung manakala **RM39,200,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Sembilan Juta Dua Ratus Ribu) adalah dalam bentuk pinjaman. Jumlah peruntukan mengikut Kepala adalah seperti dalam Usul Pembangunan 2018.

### **P.01 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri**

Sejumlah **RM1,202,023,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Bilion Dua Ratus Dua Juta Dua Puluh Tiga Ribu) telah diperuntukan kepada Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Kerajaan Negeri. Peruntukan mengikut Pecahan Kepala atau P.K. adalah seperti berikut :-

Sejumlah **RM40,000,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Puluh Juta) telah diperuntukan kepada Pecahan Kepala 1 atau P.K 1 – Ekonomi. Peruntukan tersebut bertujuan untuk menampung perbelanjaan penyelidikan pembangunan ekonomi, perindustrian dan pelaburan serta *Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)*.

Bagi P.K 2 – Luar Bandar, peruntukan sebanyak **RM48,950,000.00** (Ringgit Malaysia Empat Puluh Lapan Juta Sembilan Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan bertujuan membiayai program pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak, program pembasmian kemiskinan, pembangunan ekonomi kampung tradisi, program pembangunan desa, kemudahan awam/asas desa, naik taraf/baik pulih jalan luar bandar serta pembangunan kampung baru.

Bagi P.K 3 – Usahawan, peruntukan sebanyak **RM6,350,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Juta Tiga Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan untuk dana usahawan mikro Selangor, promosi usahawan, latihan usahawan mikro dan juga bagi program peningkatan keupayaan reka bentuk pembungkusan produk usahawan Negeri Selangor.

Manakala bagi P.K 4 – Sosial, sebanyak **RM101,373,510.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Satu Juta Tiga Ratus Tujuh Puluh Tiga Ribu Lima Ratus Sepuluh) disediakan untuk tujuan perkhidmatan masyarakat, pembangunan orang asli, program pembangunan modal insan, program Generasi Idaman Selangor (GEMS), hal ehwal pengguna, program kebudayaan, hal ehwal selain Islam dan program pembangunan minda rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

P.K 5 – Pendidikan, sebanyak **RM142,025,000.00** (Ringgit Malaysia Satu Ratus Empat Puluh Dua Juta Dua Puluh Lima Ribu) disediakan untuk tujuan program pendidikan serta pendidikan tinggi, projek bantuan sekolah, program kemahiran teknikal dan program pendidikan anak-anak pekerja ladang.

Bagi P.K 6 - Wanita, Kebajikan dan kesihatan, sebanyak **RM61,556,800.00** ( Ringgit Malaysia Enam Puluh Satu Juta Lima Ratus Lima Puluh Enam Ribu lapan Ratus) disediakan untuk menampung perbelanjaan program pemberdayaan wanita dan keluarga, program kebajikan serta pembangunan kesihatan.

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Bagi P.K 7 - generasi muda dan sukan, sebanyak **RM27,830,000.00** (Ringgit Malaysia Dua puluh tujuh juta lapan ratus tiga puluh ribu) disediakan untuk program berkaitan projek pembangunan generasi muda serta menaik taraf infrastruktur dan pembangunan sukan.

Bagi P.K 8 – Kerajaan prihatin, sebanyak **RM2,500,000.00** (Ringgit Malaysia dua juta lima ratus ribu) disediakan untuk program Kerajaan prihatin, pembangunan pekerja ladang dan juga NGO.

Bagi P.K 9 – Perbandaran, sebanyak **RM60,088,000.00** (Ringgit Malaysia Enam puluh juta lapan puluh lapan ribu) adalah bagi menampung kos kemudahan asas dan kemudahan awam PBT, pengangkutan, pengurusan sisa pepejal serta Kerajaan tempatan.

Bagi P.K 10 - Pelancongan, peruntukan sebanyak **RM6,250,000.00** (Ringgit Malaysia Enam Juta Dua Ratus Lima Puluh Ribu) disediakan untuk memajukan hasil kraf tangan serta menaik taraf produk pelancongan.

Bagi P.K 11 – Teknologi Maklumat dan inovasi, sebanyak RM21,348,220.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Satu Juta Tiga Ratus Empat Puluh Lapan Ribu Dua Ratus Dua Puluh) disediakan untuk melaksanakan pembangunan ICT, projek sains, teknologi dan inovasi serta program ICT Smart Selangor.

Bagi P.K 12 - Alam Sekitar, sebanyak **RM8,188,748.00** (Ringgit Malaysia Lapan Juta Satu Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu Tujuh Ratus Empat Puluh Lapan) disediakan untuk program alam sekitar, teknologi hijau dan pemuliharaan tapak pelupusan.

Bagi PK 13 Adat Melayu dan Warisan sejumlah 500,00.00 ringgit Malaysia disediakan untuk Penyelidikan Adat Melayu Bahasa Kesenian Kebudayaan dan Warisan. Bagi PK 14 Perpustakaan sejumlah 12,150,010.00 ringgit Malaysia disediakan untuk kerja menaik taraf Perpustakaan Daerah, membina baru dan menaik taraf Perpustakaan Desa, pembelian kelengkapan dan koleksi perpustakaan serta program penterjemahan karya Antarabangsa. Bagi PK 15 Perumahan dan Hartanah sebanyak 49,100,010.00 ringgit Malaysia disediakan untuk menampung kos bagi beberapa projek yang telah dikenal pasti. Ini adalah termasuk kerja baik pulih projek perumahan rakyat kehidupan bandar komuniti, sejahtera. Projek perumahan Rumah SelangorKu dan program pemulihan projek perumahan atau tapak. Bagi PK 16 Pembangunan Bekalan Air Selangor, sebanyak 252,500,000.00 disediakan oleh Kerajaan Negeri di antara projek-projek utama di bawah PK ini ialah menambah baik dan menaik taraf struktur air di empangan Sungai Tinggi, pembangunan Horas 600, pembinaan loji rawatan air

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Labuhan Dagang Kuala Langat, pembangunan loji rawatan air Semenyih 2, projek pengepaman air kolam dan pembenihan awan, peruntukan kepada Lembaga Urus Air Selangor, projek penggantian aset dan menaik taraf bagi operasi melebihi kapasiti reka bentuk di loji rawatan air Sungai Langat, serta kerja menaik taraf rumah pam Syabas.

PK17 Program Khas Negeri sebanyak 45,250,010.00 ringgit Malaysia disediakan untuk menampung beberapa kos yang telah dikenal pasti. Ini adalah termasuk Dewan Serba guna Kuala Selangor, fasa 2 projek pembinaan tempat letak kereta perpustakaan Awam Selangor, Kota Darul Ehsan, kerja menaik taraf kubah serta pembinaan bangunan pentadbiran Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, kerja pemuliharaan dan menaik taraf 2 buah masjid, iaitu Masjid Diraja Sultan Sulaiman Klang, dan Masjid Sultan Aleiddin Kampung Bandar Kuala Langat, projek pembinaan tempat letak kereta awam bertingkat di Seksyen 5 Shah Alam, serta kos bagi Kem Ghaffar Baba Gombak, Pusat Latihan Inovasi Sabak Bernam, Taman Rakyat Shah Alam, *Art Gallery Heritage Walk*, Muzium Tekstil, Muzium Setem dan *Japanese Garden*.

Bagi PK 18 Inisiatif Peduli Rakyat sebanyak 237,104,000.00 disediakan untuk Pusat Khidmat Krisis Sehenti, Skim Kesihatan Wanita, Elaun Anak Ke Nurseri, Skim Latihan Semula Pekerja, Kesedaran Kenegaraan, Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Tunas, Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mesra Usia Emas, dan Program Pemberian Air Percuma.

Bagi PK 19 Am sebanyak 78,958,692.00 disediakan untuk projek baik pulih bangunan Kerajaan, pengambilan balik tanah dan pelbagai projek lain.

P04 Perbendaharaan Negeri Selangor sejumlah 2,300,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan kepada P04 Perbendaharaan Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak 300,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan kepada PK1 Pembangunan Teknologi Maklumat, manakala untuk PK2 pula adalah sebanyak 2juta ringgit Malaysia untuk projek Am.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian PK08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor, sejumlah 19juta ringgit Malaysia telah diperuntukan kepada PK08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor daripada jumlah tersebut sebanyak 1,760,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan kepada PK1 pembangunan Taman Agro Teknologi. Bagi PK2 penanaman kelapa sebanyak 1,080,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk membiayai program tanam semula dan pemulihan. Bagi PK3 Pembangunan Industri Padi sebanyak 2,200,00.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk membiayai program peningkatan hasil padi. Bagi PK4 Pembangunan Tanaman Buah-buahan sebanyak 1,300,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk membiayai kos

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

pembangunan tanaman kekal dan tanaman singkat masa. Bagi PK5 Pembangunan Tanaman dan Kontan sebanyak 700,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk membiayai program pembangunan tanaman sayuran serta pembangunan tanaman kontan. Bagi PK6 Pembangunan Tanaman Herba dan Rempah Ratus, sebanyak sejumlah 400,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan. Bagi PK7 Pembangunan Madu Lebah dan Kelulut, sebanyak 300,000.00 ringgit Malaysia telah diperuntukan.

Bagi PK8 Pembangunan Produk Hiliran Pertanian, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak 1,200,000.00 ringgit Malaysia untuk menaik taraf bengkel dan program bantuan peralatan IT, manakala bagi PK9 Pembangunan Tanah Terbiar sebanyak 300,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan. Bagi PK10 Pembangunan Tanaman Cendawan sebanyak 700,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan PK11 Pembangunan Golongan Sasar Belia Tani sebanyak 2,600,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan. Bagi perkara berkaitan Program Latihan Golongan Sasar, Program Promosi Pertanian dan IT, Jualan Terus Tanaman serta Latihan Belia dan Usahawan di samping Inovasi dan Teknologi Pertanian. Bagi PK12 Pembangunan Teknologi Furgugasi sejumlah 1,960,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk Pembangunan Furgugasi Tertutup dan Furgugasi Terbuka. Bagi PK13 Pembangunan Kompleks Pertanian sebanyak 3,800,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan bagi pembinaan Kompleks Pertanian Hulu Selangor dan naik taraf Bengkel Kejuruteraan Pertanian Tanjung Karang serta baik pulih Pusat dan Pejabat Pertanian.

Bagi PK14 Program Pencegahan Perosak Bersepadu 200,000.00 ringgit Malaysia telah diperuntukan untuk program tersebut. PK15 Pembangunan Bunga-bunga dan Tanaman Hiasan sebanyak 500,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan.

P10 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, sebanyak 7juta ringgit Malaysia telah diperuntukan kepada P10 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2,230,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan kepada PK1 Pembangunan Pengukuhan Sumber Hutan yang bertujuan untuk mengukur dan penanda hutan simpan, Pembangunan Sistem Maklumat Perhutanan dan Rancangan Pengurusan Hutan, Projek Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran Hutan, Pengurusan Hidrologi dan Zon Penampungan Hutan Paya Gambut, *Central Forest Pine* serta Pensijilan Hutan.

Bagi PK2 Program Pembangunan Sumber Hutan sebanyak 430,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk Projek dan Program Hutan Tadahan Air, Tanaman Mengaya, Bakau, dan Pokok Nadir serta penyediaan tapak semeian. Dalam PK3 Pemerkasaan Hutan, sebanyak 2,060,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk Projek Pembangunan Hutan Lipur, Pembangunan Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri, Projek Pembangunan Hutan Komuniti Kota Damansara, Projek Perhutanan Bandar, Pembangunan Hutan Pelajaran, Tanaman Hutan Perkampungan, Pemuliharaan Kawasan Terosot dan Sensitif

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

serta Tanaman Hutan Tani. Seterusnya PK4 Pembangunan Infrastruktur sebanyak 1,600,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk Kompleks Perhutanan Sungai Buloh, Pusat Kecemerlangan Hutan Paya Gambut, Pembangunan Taman Negeri Selangor, Perhubungan Jalan Hutan dan baik pulih bangunan. PK5 Program Pemuliharaan Alam Sekitar, sebanyak 180,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk Hutan Simpanan Hutan Dara. Manakala PK6 Program Penguatkuasaan Hutan sebanyak 500,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk perkara tersebut.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, sejumlah 200juta ringgit Malaysia telah diperuntukan kepada Kepala P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor daripada jumlah tersebut sebanyak 4,639,260.00 ringgit Malaysia diperuntukan kepada PK1 Pelbagai Rancangan bertujuan untuk membaik pulih cerun, pengambilan balik tanah dan untuk kerja-kerja permulaan. Bagi PK2 membina Jambatan dan Jejantas sebanyak 18,710,030.00 ringgit Malaysia diperuntukan bagi pembinaan jambatan dan jejantas yang telah dikenal pasti mengikut daerah di Selangor. Manakala bagi PK3 membina jalan sebanyak 32,350,440.00 ringgit Malaysia diperuntukan bagi pembinaan jalan-jalan baru di seluruh Selangor mengikut *priority* dan keperluan sebenar. Bagi PK4 menaik taraf jalan sebanyak 139,800,270,00.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk menaik taraf jalan-jalan di seluruh Selangor mengikut daerah. PK5 membina dan menaik taraf projek bangunan sebanyak 4,500,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan bagi membina dan menaik taraf pejabat dan kuarters Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor serta membaik pulih Istana-istana di Negeri Selangor.

P13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor sebanyak 114juta ringgit Malaysia telah diperuntukan kepada P13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak 47,300,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan kepada PK1 Pembangunan Projek Tambatan Banjir. PK2 Menaik Taraf Saliran sebanyak 25,403,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk program menaik taraf sistem saliran seluruh Selangor. PK3 Pembangunan Lembangan Sungai sebanyak 10,182,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk program pengukuhan tebing serta pembinaan ban dan benteng. PK4 Pembangunan Sumber Air dan Hidrologi sebanyak 2,390,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk Pembangunan Stesen berserta sistem ramalan dan amaran banjir Negeri. PK5 Pembangunan saliran Mesra Alam sebanyak 9,450,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk membina dan menaik taraf kolam takungan. PK6 Pembangunan Pantai sebanyak 9,500,00.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk rancangan memperkukuhkan benteng pantai dan pemeliharaan serta pemuliharaan pantai dan muara, manakala PK7 Pembangunan Infrastruktur Mekanikal dan Elektrikal sebanyak 9,775,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk menaik taraf pemasangan hidro mekanikal dan pembangunan *Info Geopasal* Jabatan.



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Yang Berhormat Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian P14 Jabatan Agama Islam Selangor, sejumlah 106juta ringgit Malaysia telah diperuntukan kepada P14 Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, daripada jumlah tersebut sebanyak 31,773,424,00.50 ringgit Malaysia telah diperuntukan kepada PK1 Sekolah-sekolah agama yang bertujuan untuk menaik taraf dan membina baru Sekolah Agama. Bagi PK2 bangunan Pejabat-pejabat Agama Islam sebanyak 9,310,000.00 diperuntukan untuk membina dan menaik taraf bangunan Kompleks Agama Islam serta Pejabat Agama. Bagi PK3 masjid sebanyak 62,342,284,00.37 ringgit Malaysia diperuntukan untuk membina serta membaik pulih masjid seluruh Selangor, manakala PK4 Surau, sebanyak 1,000,060.00 ringgit Malaysia diperuntukan untuk kerja baik pulih surau, manakala bagi PK5 Pelbagai sebanyak 1,584,221,00.13 ringgit Malaysia diperuntukan untuk kerja-kerja awalan dan dokumentasi projek-projek yang telah dirancang.

P16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor, sebanyak 3,770,000.00 ringgit Malaysia telah diperuntukan P16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor daripada jumlah tersebut sebanyak 1,070,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan kepada PK1 Rancangan Pembangunan. PK2 Perancangan Dasar sebanyak 1,407,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan bagi Projek Pembangunan Mampas Negeri Selangor dan Tapak Warisan Dunia. PK3 Projek Khas Perancangan sebanyak 600,000.00 ringgit Malaysia diperuntukan bagi menampung kos kajian-kajian khas yang akan dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

P17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor sejumlah RM6,600,000.00 telah diperuntukan kepada P17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM835,000.00 diperuntukan kepada PK1 Pembangunan Komoditi Ternakan Ruminan iaitu untuk program Skim Pengganda Ternakan Ruminan Selangor, Skim Penternakan Fidlot, Program Merakyatkan Ekonomi Penternak Ruminan, Skim Galakan Warisan Ternak dan Program Pemakanan Ternakan Ruminan. Bagi PK2 Pembangunan Komoditi Ternakan Unggas bukan ruminan sebanyak RM500,000.00 diperuntukan untuk program transformasi ternakan unggas bukan ruminan dan Program Merakyatkan Ekonomi Penternak Unggas Bukan Ruminan. Bagi PK3 Pembangunan Industri Asas Ternak sebanyak RM725,000.00 diperuntukan untuk peningkatan dan pembangunan usahawan pembangunan produk IT dan pusat pemprosesan air di daerah. Bagi PK4 Kesihatan Veterinar sebanyak RM300,000.00 diperuntukan untuk program masyarakat prihatin haiwan epidemiology dan surveillance penyakit haiwan serta pemantapan ambulatory dan klinik veterinar. Manakala bagi PK5 Regulatory sebanyak RM670,000.00 diperuntukan untuk program pembangunan kebajikan haiwan penternakan mesra alam dan loji penyembelihan. PK6 Pembangunan Usahawan sebanyak RM620,000.00 diperuntukan untuk pembangunan kompetensi usahawan. Program pengembangan veterinar dan pemasaran strategik di bawah PK7 Pemantapan Kualiti Perkhidmatan Veterinar sebanyak RM620,000.00 diperuntukan

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

untuk membaik pulih pejabat dan kuarters kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar serta pembinaan Hospital Veterinar. Bagi PK 8 Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan atau TKPM sebanyak RM2,070,000.00 diperuntukan untuk pembangunan prasarana TKPM serta TKPM Ayam dan Pedaging dan projek ladang ternakan Jambatan Sungai Nilam. Manakala bagi PK9 Pembangunan Genetik Ternakan Ruminan sebanyak RM260,000.00 diperuntukan untuk tujuan tersebut. Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Maka dengan itu saya mohon mencadangkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan dewan ini adalah satu usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu Usul Peruntukan Pembangunan 2018. Oleh itu, saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan. Kita ada cukup masa. Jadi sesiapa yang nak bahas sila bangun tak payah ikut kod untuk setiap bahas macam perbahasan dasar tapi kena ikut projek-projek yang telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Silakan, ada sesiapa yang nak bahas. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Terima kasih Tuan Speaker, kita boleh bahas daripada P1 hingga ke semuanya? Sekali ya?

**TUAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan usul pembangunan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebanyak RM1,660,000,000.00. Tuan Speaker, seperti apa yang kita sedia maklum saya nak tarik perhatian dewan yang mulia ini berkaitan dengan Pembangunan Perbandaran PK9 yang saya rujuk berkaitan dengan Pembangunan Perbandaran soal pembangunan dewan oleh PBT oleh Kerajaan Tempatan nak dinaiktaraf dewan di mana di Sekinchan kita ada satu dewan yang dikendalikan diselenggarakan oleh Majlis Daerah Sabak Bernam iaitu Dewan Seri Sekinchan sudah sampai masa kiranya dan ketikanya kerana dewan ini sudah agak uzur, usang, perlu dinaiktaraf di mana kapasitinya untuk menampung para penduduk dan sebagainya juga perlu diperbesarkan jadi saya minta kalau boleh sebagai satu benchmark di DUN Sekinchan ini dewan ini boleh diperbesarkan dan dinaiktaraf aircondition sekarang seperti biasa tidak digunakan dengan secara optima oleh penduduk. Ini antara satu cadangan saya permintaan saya. Yang keduanya saya nampak Kerajaan bertungkus-lumus untuk memperkasakan, memperbaiki, mempertingkatkan pengurusan sisa pepejal. Ini satu pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri saya nampak keadaan yang cukup positif dan saya nampak sekarang isu-isu seperti pengurusan sisa pepejal dan sampah longgok haram dan sebagainya



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

telah semakin hari semakin bertambah baik, telah meningkat dan tidak ada masalah dan telah berkurangan. Ini satu kejayaan. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor khususnya kita selepas Kerajaan mengambil tindakan pendekatan melantik anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Kumpulan Darul Ehsan (KDEB) Waste Management untuk membantu dalam konteks mengendali, menyelenggara dan sebagai membersihkan kutipan dan pengurusan sisa pepejal ini. Dalam masa terdekat pemantauan saya seperti di MPK keadaannya telah bertambah baik. Pengurusannya dan kompaktor-kompaktor baru berpuluh lebih kurang 60 kalau tak silap saya kompaktor baru telah diberi oleh KDEB Waste Management. Saya nampak dia sangat berkesan. Saya meminta agar Kerajaan Negeri dapat menambah lagi peruntukan untuk membeli lebih banyak lagi kompaktor baru untuk kepada KDEB sama ada melalui pinjaman ataupun geran ataupun one off supaya pengurusan sisa pepejal ini dalam masa tempoh yang lebih singkat ini akan lebih memperkasakan lebih baik supaya isu-isu tidak timbul dan pihak pembangkang lesu dan tak ada isu untuk nak menyerang Kerajaan Negeri Selangor kerana mereka bergantung pada dua tiga isu. Kalau isu pengurusan sisa pepejal kita dapat tingkatkan saya yakin dan percaya perkara-perkara seperti itu tidak berbangkit dan saya juga minta Kerajaan boleh segerakan kerana sekarang ini saya nampak isu pembersihan masih ada masalah sikit di PBT-PBT tertentu maka Kerajaan boleh segerakan ambil semua kalau boleh lantik KDEB cepat untuk mengambil semua dan mengambil alih semua kawasan-kawasan yang masih di bawah PBT supaya dapat difokuskan tumpuannya dan Kerajaan boleh bagi peruntukan besar untuk membantu menyelesaikan masalah ini. Ini cadangan saya. Yang ketiganya, saya juga ingin oleh sebab Negeri Selangor sudah sampai satu tahap Negeri maju dan peneraju ekonomi, industri berkembang dengan pesat, pelaburan semakin meningkat dan usaha penarikan pelabur-pelabur semakin giat dijalankan maka Negeri Selangor sebagai ibu kota ataupun promosi ibu kota pelaburan maka saya mintalah pengurusan sisa pepejal ini boleh dibahagikan, dipecahkan seperti pengurusan sisa pepejal industri dan juga dititik beratkan pengurusan sisa pepejal industri. Satu peruntukan satu kajian yang khas peruntukan diberi untuk kajian bagaimana membangunkan pengurusan sisa pepejal industri yang sama ada toksik atau tidak bertoksik supaya Kerajaan Negeri juga menjadi peneraju. Kita bukan sahaja mahu pengurusan sisa pepejal seperti biasa dan industri juga kita uruskan dengan sistematik. Sekarang saya nampak industri ini macam masih ada sedikit kekurangan, kelemahan. Kita sudah sampai tahapnya, kita wujudkan satu pusat untuk pengumpulan sisa pepejal industri. Jadi ini antara cadangan Tuan Speaker. Seterusnya saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia berkaitan dengan isu pelancongan di mana tahun ini peruntukan untuk promosi pelancongan adalah RM6,250,000.00 sudah semakin meningkat. Inilah antara yang inisiatif yang diambil Kerajaan Negeri maka dengan itu dari Sekinchan tahun lepas telah mendapat berita baik daripada Bajet 2017 Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

mengumumkan bahawa satu pusat informasi pelancongan iaitu Tourism Information Centre akan didirikan di Sekinchan dan saya sangat gembira dan ucapkan terima kasih bagi seluruh warga DUN Sekinchan kerana ini satu pengiktirafan dan sebagai pusat destinasi eko pelancongan maka dengan itu saya harap kerja-kerja untuk menubuhkan, mendirikan pusat tourism information centre ini dapat disegerakan, dapat dipercepatkan supaya dia dapat direalisasikan pada masa yang terdekat ini. Ini antara harapan saya dan seterusnya saya ingin juga menarik perhatian Dewan yang mulia berkaitan dengan permasalahan di DUN Sekinchan khususnya daripada JPS seperti apa yang dijanjikan mengenai benteng penahan, penghalang pasir di muara Sungai Sekinchan. Sudah dijanjikan agak lama 2 3 tahun tapi untuk memanjang benteng penahan pasir yang ada perlu dipanjangkan lebih 100 meter lagi supaya pasir-pasir tidak mudah masuk kemuara sungai. Dan peruntukannya perlu disediakan untuk menambah, memanjangkan benteng penghalang pasir. Kalau pasir penuh di muara sungai, bot yang masuk akan terdampar. Kalau terdampar nelayan akan kerugian. saya harap permintaan itu dapat disegerakan kerja-kerjanya untuk menambah/memanjangkan benteng penghalang pasir di muara Sungai Sekinchan dan seterusnya seperti apa yang saya bangkitkan tentang kerja-kerja membaiki ataupun menambahbaik ban-ban di seluruh persisiran pantai Negeri Selangor bukan sahaja di Sekinchan. Bukan sahaja di Kapar, di Tok Muda, di Tanjung Karang dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan pantai di mana musim-musim tengkujuh musim-musim akhir tahun ini air pasang surutnya tinggi dan pasanganya tinggi kerana cuaca sekarang tidak menentu. Tuan Speaker, tidak menentu. Jadi ban-ban ini sering terhakis, pecah. Termasuk di Sabak. Air masuk dan sebagainya. Saya harap peruntukan yang besar dapat diberikan oleh Kerajaan untuk menambah baik, membaiki ban-ban ini supaya keselamatan orang-orang kampung di kawasan sekitar tidak dilanda banjir kilat dan sebagainya. Ini sesuatu yang boleh kita buat sejak awal. Mencegah dari baik daripada menunggu masa air pasang. Jadi apa yang pernah berlaku di Kampung Tok Muda. Seterusnya saya meminta kepada JPS agar longkang ataupun parit besar, parit 5, parit 6 dinaiktaraf dengan penghalang tebing supaya hakisan-hakisan tanah seperti yang berlaku sekarang ini dapat dicegah. Sekarang ini dah lama saya perjuangkan isu ini dalam Dewan dan masih menunggu jawapan dalam Rancangan Malaysia Ke10, 11 dan sebagainya dan itu antara jawapan-jawapannya tapi saya fikirkan sudah sampai masanya sama ada rancangan ke tidak Kerajaan kena ambil peduli, ambik prihatin bantulah Sekinchan untuk menaiktaraf tebing-tebing longkang, parit 6 di Sekinchan ini supaya dinaikkan U shape seperti di Meru saya nampak ada satu projek yang cukup signifikan di tepi longkang-longkang di Jalan Taib pergi ke Jalan Jambu, Jalan Kopi dan sebagainya di Meru. Kumpulan 52 ini dinaikkan satu projek yang cukup besar membaiki tebing. Kalau itu projek sedemikian boleh dipanjang ke Parit 6 Sekinchan saya rasa cukup baik dan dapat membantu menyelesaikan masalah aduan-aduan hakisan akibat air pasang surut dan sebagainya. Pada masa yang sama juga saya

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

meminta jalan-jalan di kawasan bendang dapat dinaiktaraf dan diperbaiki dari masa ke semasa dan peruntukan untuk itu khususnya sama ada daripada pejabat daerah dan tanah, sama ada kepada JPS, sama ada kepada JKR dapat dimanfaatkan sama ada melalui peruntukan MARRIS atau peruntukan Kerajaan Negeri kerana jalan-jalan di kampung kita perlu selenggara dengan baik dan perlu tambah baik dan perlu diperbaiki. Perlu membina yang baru dan juga jalan-jalan di sawah-sawah dan bendang-bendang sentiasa perlu di naik taraf daripada masa ke semasa. Jadi pemantauan kerja-kerja seperti itu saya minta pihak JPS, pihak JKR dan juga pejabat Tanah dapat melakukannya secara rutin dari masa ke semasa. Itulah beberapa perkara soal pembangunan yang saya kira di kawasan saya Sekinchan dan juga harapan saya tentang kemudahan pengurusan sisa pepejal ini. Saya menaruh harapan kita dapat selesaikan pengurusan sisa pepejal di semua PBT-PBT di Negeri Selangor kita menjadi contoh, teladan bagaimana kita gunakan akses anak syarikat Kerajaan dapat membuat kerja dapat membantu Kerajaan Negeri. Peruntukan yang besar harus disalurkan. Itu sajalah ya, Tuan Speaker untuk perbincangan pembangunan untuk kali ini, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya hendak bagi Pembangkang dulu. Ini isu pembangunan sangat penting, ada sesiapa, ya Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa isu yang hendak dibangkitkan pertamanya berkenaan dengan persoalan bagaimana isu pengambilan tanah boleh diselesaikan dengan secepatnya. Di atas kerja-kerja menaik taraf di Jalan Pelempas, Kg Melayu Subang. Sebab buat masa sekarang ini kerja-kerja menaik taraf itu telah tergendala lama disebabkan isu pengambilan tanah yang tidak dapat diselesaikan di kawasan tersebut. Saya bimbang dalam keadaan hujan lebat ini akan melanda banjir di kawasan tersebut. Itu perkara yang pertamanyalah. Ok, perkara yang keduanya yang ingin saya bangkitkan dekat sini, iaitu berkenaan dengan ok ya, saya bawa ini. Ok, garis panduan atau pun SOP yang diambil tindakan oleh pihak Kerajaan berkenaan dengan bagaimana cara pelupusan kereta dan kereta rosak yang terletak kebanyakannya di kawasan pangsapuri yang berada di kawasan PBT.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara, Sg. Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Peraturan Tetap, Peraturan Tetap, sila duduk dulu. Tuan Speaker, kita sedang membahaskan usul Pembangunan. Saya kira isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Damansara itu bukanlah dalam lingkungan

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

usul Pembangunan yang kita bincangkan yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar sebentar tadi. Semua itu adalah isu operasi, isu pengurusan, jadi luar tajuk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker ...

**TUAN SPEAKER:** Tak payah nak merujuk tetapi masih perlu fokus isu Pembangunan bukan Perbekalan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tak Tuan Speaker, tadi Sg Pinang sebut Peraturan Tetap, Peraturan Tetap apa tak sebut terus saja. Tak tahu mazhab mana, bacalah Peraturan ah, pegang baca.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** 36.2, 36.2.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mengenai apa itu?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tajuk, tak mengikut tajuk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bacalah biar kita dengar..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Nak baca ah, ok senang. Saya hendak jimat masa kalau dia hendak sebut ..

**TUAN SPEAKER:** Kita ada masa Sg. Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya,ya.

**TUAN SPEAKER:** 36.2

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya hendak saya sekolahkan saya boleh. Ya, seseorang Ahli 36.1 ya, Yang Berhormat Permatang, seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja. Dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu ya. Jadi yang perkara, ini saya belum habis lagi ini. Kalau macam itu saya baca saya terangkanlah. Ya, ya kena belajar itu, kena duduk dulu, duduk dulu.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Permatang duduk dulu, Sg. Pinang jelaskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, ya jadi kita sedang membahaskan usul Pembangunan. Jadi ada tajuk-tajuk di situ daripada P.1 hinggalah berapa itu ada

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

banyak masa, ya 17, 17. Jadi ada kita kena hadkan pada tajuk-tajuk usul-usul di bawah Kepala yang dibawa oleh YAB Dato' Menteri Besar dan sudah tentu isu Pembangunan yang berkaitan boleh dibawa tetapi bukan isu penguatkuasaan dan sebagainya. Termasuklah pemilik tanah yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan itu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker saya minta pencerahan sikit.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tadi Tuan Speaker, saya alu-alukan Tuan Speaker saya ingat hari ini cukup sikap terbukalah.

**TUAN SPEAKER:** Ya saya selalu macam itu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih, maknanya tak payah merujuk mana-mana kod asalkan apa yang dibentangkan nanti boleh dibincangkan sebelum pergi kepada meluluskan setiap apa yang dipanggil...

**TUAN SPEAKER:** Dia tak ada peringkat Jawatankuasa, ini dipanggil usul Pembangunan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya, ok. Bila masuk Pembangunan apa salahnya Kota Damansara menyebut perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara yang sama. Jadi saya fikir dia ada Peraturan Tetap.

**TUAN SPEAKER:** Dia mesti ada berkaitan. Yang Berhormat Permatang kena berkaitan dengan projek-projek Pembangunan yang telah dicatatkan dalam sini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya fikir itu apa Kota Damansara sebutkan tadi berkaitanlah dia hendak jelaskan. Kenapa yang Sg. Pinang hendak mencelah-celah itu ...

**TUAN SPEAKER:** Ini penguatkuasaan PBT memang tak ada dalam Pembangunan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Dia berkaitan, bagi peluang dulu saya fikir tak payahlah nak mencelah. Bagilah ruang yang ada.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara teruskan.

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Kalau tidak dulu tak payah jadi Speaker.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, Tuan Speaker saya rasa Permatang tidak tak payah sebut saya jadi Speaker. Saya mengikut peraturan yang selalu membangkitkan sepatutnya Adun yang bangkitkan untuk diputuskan oleh Speaker. Itu yang dia tak faham yang keduanya saya merujuk kepada hujah pertama. Pengambilan tanah tidak terlibat dalam perkara ini dan sekarang ini tentang kereta yang terbiar tidak berkaitan dengan perkara yang kita bincangkan di sini. Kena faham.

**TUAN SPEAKER:** Betul, saya setuju, saya ....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker saya ...

**TUAN SPEAKER:** Saya ... Batang Kali, Batang Kali tolong duduk. Saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Sg. Pinang dan saya telah kata saya tak suruh Ahli Dewan Negeri bangkitkan isu ikut kod atau pun muka surat. Tapi kena ikut Pembangunan ok, as long as projek tersebut ada dituliskan dalam sini, bolehlah bahaskan. Kota Damansara hendak sambung, silakan Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ok perlu ke saya hendak sebut kod, muka surat mana dan kod mana?

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara bahas macam ini. Kota Damansara hendak bahas mengenai projek tebatan banjir atau pun projek menaik taraf jalan di kawasan Kota Damansara, macam itu.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ok, terima kasih. Saya tak habis lagi tadi ayatnya sebabnya kadang-kadang ada Exco ini dia tak sabar. Penjelasan pun tak habis lagi baru mukadimah dah masuk campur. Kadang-kadang dia pun pening juga tak tahulah macam mana Exco ini ...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Dia kena masuk perkara kedua, saya sebut perkara pertama dah keluar tajuk bukan mukadimah, jangan pusing-pusinglah, jangan pusing-pusing ...

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya belum habis lagi bercakap.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kota Damansara hendak mencelah, Kota Damansara hendak mencelah.

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Bukan mukadimah ...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kota Damansara, Kota Damansara

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Jangan pusing, pusing cakap. Saya ...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kota Damansara, Kota Damansara

**TUAN SPEAKER:** Saya telah putuskan tadi, saya telah, Kota Damansara saya sudah putuskan tadi dan saya telah bagi petua, saya telah bagi panduan bagaimana hendak bahas, silakan Kota Damansara.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya hendak mencelah, Kota Damansara hendak bagi?

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara bahas isu Pembangunan. Silakan Kota Damansara.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kota Damansara saya hendak mencelah sikit boleh? Tadi Exco ada cakap fasal kereta rosaklah ini semua pengurusan. Adakah Kota Damansara bermaksud bila banyak kereta rosak ini banyak tempat kena dibangunkan untuk penghapusannya? Adakah itu ...

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sebab itu kadang-kadang ... ah tengok macam mana pula ini, tengok tak ada adab tatasusila. Eh, kita bercakap dengan ... bagilah ruang kepada saya ...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sudahlah...tak ikut peraturan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya belum habis lagi. Saya belum habis ayat, ayat belum habis lagi ... yang meloncat ini kenapa? Saya pun tak faham. Ah, itu saya tak faham ayat saya belum habis, saya hendak memaklumkan bahawa ....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Susah hendak cakap Tuan Speaker. Dengan orang bodoh susah hendak cakap ini.

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

(Ahli Dewan menjerit dan marah serta bangun semuanya dengan berkata meminta tarik balik perkataan bodoh)

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, baiklah. Bertenang semua duduk dulu. Sg. Pinang, tolong tarik balik perkataan bodoh terhadap Ahli-ahli Dewan Negeri. Mungkin geram ada sedikit kerana selepas buat penjelasan banyak kali masih tak faham tetapi saya minta sesama Ahli Dewan Negeri, Sg. Pinang tolong tarik balik.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker saya tidak merujuk kepada sesiapa.

(Ahli Dewan masih lagi terus berdiri dan menjerit dengan berkata meminta tarik balik perkataan bodoh)

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Tuan Speaker saya rasa ini satu isu yang Peraturan Tetap telah diputuskan oleh Tuan Speaker. Maka isu itu tidak seharusnya diteruskan. Batang Kali apabila dia mencelah dia menyalahgunakan perkataan itu untuk meneruskan ....

(Ahli Dewan terus berbalah sesama sendiri dan berdiri dengan mempertikaikan perkataan bodoh)

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat semua, Yang Berhormat ..... baiklah semua duduk, duduk. Ya, Permatang Peraturan Tetap mana?

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Peraturan 366, Seseorang itu tidak boleh bersangka jahat kepada yang lain. Tadi Yang Berhormat Sg. Pinang jelas dengar menunjuk kepada pihak sini sama ada Kota Damansara atau pun saya menggunakan perkataan bodoh. Jadi saya minta Tuan Speaker tolong, Sg. Pinang tarik balik, itu saja.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Tuan Speaker, saya rasa saya pun saksi tadi. Saya bercakap dengan Tuan Speaker ...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Speaker, Speaker nak jawab. You duduklah Pandamaran tak payah nak sibuk.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Saya bercakap dengan Tuan Speaker..! You yang duduk, you duduk dulu. You duduk, duduk yang belum duduk itu sila duduk.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran duduk, yang lain pun duduk.



## **10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

(Ahli Dewan masih lagi bertikam lidah)

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran, Pandamaran duduk, duduk.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Apa yang dikatakan oleh Sg. Pinang adalah merujuk kepada pertanyaan itu yang bodoh.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah semua duduk, duduk.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Siapa yang bodoh...?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Hari ini hari Jumaat, tenang, tenang, sabar, sabar.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran, Pandamaran, Pandamaran tolong duduk.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Hari ini hari Jumaat.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku. Baiklah, Pandamaran duduk dulu. Permatang telah bangkitkan isu 36 Peraturan Tetap 36.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya, sangkaan jahat.

**TUAN SPEAKER:** Ok, Peraturan Tetap 366 Seseorang... Dengkil, Dengkil, Dengkil. Saya sedang dengar Permatang. Permatang kata, Permatang kata, Permatang duduk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ya, saya duduk. Sabar...

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Jangan dengar, jangan dengar. Dengar Speaker saja.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Dia frust ni.

**TUAN SPEAKER:** Kuang, Kuang, Kuang.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Dia frust dengan girlfriend ni, frust dengan girlfriend ni...

**TUAN SPEAKER:** Kuang. Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa Ahli lain itu yang dibangkitkan oleh Permatang. Saya tanya Sg.

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Pinang, Sg. Pinang kata tidak merujuk kepada sesiapa Ahli lain. Ada lagi penjelasan Sg. Pinang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker, itu dia tunjukkan kepada siapa? Ayat itu kepada siapa?

**TUAN SPEAKER:** Itulah saya sekarang tanya Sg. Pinang.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Takkanlah dia cakap bodoh kepada hantu? Itu dia yang hantu..!

(Ahli Dewan sekali lagi berbalah sesama sendiri)

**TUAN SPEAKER:** Kuang ya saya kata saya hendak dengar penjelasan Sg. Pinang kerana Permatang bangkitkan 366. Silakan ... eh, Permatang hendak mencelah ke atau tidak? Sg. Pinang 366 ada penjelasan kepada sesiapa perkataan itu ditujukan?

Ya, ya, Speaker. Tuan Speaker pertamanya saya tidak merujuk kepada sesiapa dan keduanya bila sangkaan jahat maksud sangkaan jahat itu apa. Saya kata dia penipu sangkaan jahat. Dia pengkhianat sangkaan jahat dan Bahasa Inggerisnya *no members should imputed in proper motives*. Ini tak ada, tengok Speaker

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Sg. Pinang, Sg. Pinang duduk dulu. Sg. Pinang ...

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ:** Kalau bodoh ini boleh cakap, mulai hari ini kita cakap bodoh sajalah kat Sg. Pinang ini. Sekinchan lagi bodoh..!

(Ahli Dewan semua berbalah sesama sendiri)

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya hendak Kuang tarik balik ..! Kuang sebut nama saya. Minta dia tarik balik ah...

**TUAN SPEAKER:** Kuang, Kuang, Kuang... baiklah semua duduk dulu. Semua duduk dulu..!! Kuang, Kuang, Sekinchan duduk dulu. Jam telah menunjukkan pukul 12.00 saya bagi semua bertenang kita sambung Dewan pukul 3:00 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)  
(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**TUAN SPEAKER:** Perbahasan disambung semula. Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih. Saya nak sambung ayat saya yang telah diganggu tadi. Saya nak mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri samada Kerajaan Negeri ada memperuntukan pembangunan ataupun tempat pelupusan kereta-kereta rosak ini supaya masalah ini boleh diselesaikan dan ia akan memberi faedah kepada mereka-mereka yang tinggal di pangsapuri di mana parking-parking lot ini tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya. Itu saja yang saya nak anjurkan tadi sebenarnya. Ok saya terus kepada isu berkenaan dengan

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ya

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong nak mencelah.

**Y.B. DATO'MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya dah mendengar penjelasan daripada Kota Damansara untuk dengan isu pelupusan kereta-kereta ni. Dan saya lihat sebenarnya pelupusan kereta ini tak ada bezanya dengan pelupusan sampah. Dan dari segi pelupusan sampah....

**TUAN SPEAKER:** Saya dah kata tadi isu pelupusan kereta pelupusan sampah tak ada kena mengena dengan usul pembangunan.

**Y.B. DATO'MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Itu yang saya nak minta penjelasan dengan Kota Damansara ni lah. Sebab apa saya lihat tak ada beza antara pelupusan sampah dengan apa ni pelupusan kereta. Cuma dalam isu pelupusan ini ada dua aspek satu ialah pergurusan dan satu lagi ialah pembangunan. Sebagai contoh dalam pelupusan sampah kita memerlukan keperluan tempat-tempat baru untuk melupuskan sampah yang tidak terurus lagi. Jadi kerana itu keperluan untuk peruntukan tambahan atau perlukan pembangunan bagi tempat-tempat pelupusan sampah ini perlu. Begitu jugak dengan pelupusan kereta. Hari ini kereta terlalu banyak ya. Di Negara kita terdapat lebih kurang 1.5 pertumbuhan kereta di jalan-jalan raya. Dan kerana itu maka sebahagian daripada kereta-kereta ini telah perlu dilupuskan. Dan di Selangor isu kereta-kereta belum lagi, permasalahan kereta ini telah menjadi satu isu. Kerana di kereta-kereta yang rosak ini dilonggokkan di tepi rumah flat, di kawasan-kawasan lapang, ditepi jalan dan sebagainya. Jadi apa yang ditanyakan oleh Kota Damansara ialah dari segi pembangunan, ya. Perlu merancang untuk, ini belum dibuat lagi. Jadi saya amat positif lah sebagai sebuah Negeri di bawah pimpinan YAB Menteri Besar yang telah maju dan membawa Negeri Selangor ni ke hadapan kan, jadi ini bukan perkara baru yang boleh menjadi inisiatif untuk orang kata dilaksanakan di Negeri Selangor. Jadi pertanyaan saya sebenarnya adakah setuju bahawa sebenarnya ia juga merupakan isu pembangunan. Oleh itu kalau ada pemikiran-pemikiran maka yang

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

mengatakan bahawa perkara ini ialah perkara bodoh saya kata ini orang bodoh yang mengatakan orang lain bodoh. Itu dia. Setuju atau tidak.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Setuju Sungai Burong. Ok, saya.

**TUAN SPEAKER:** Ada hal lain Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya nak membangkitkan juga berkenaan dengan pembangunan projek perumahan SOHO di Key Impian bersebelahan dengan kawasan perumahan Taman Subang Galaxy, Seksyen 5, Shah Alam yang sedang dibangunkan. Di mana pembangunan ini membimbangkan masyarakat yang ada di sekitar kawasan pembangunan tersebut. Sebab pertamanya.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara, projek tersebut ada tak disenaraikan dalam sini.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tak ada.

**TUAN SPEAKER:** Tak ada. Ok kalau tak ada tak boleh. Ok saya bagi panduan sekali lagi ya. Usul pembangunan adalah mengenai belanja ataupun bajet Kerajaan yang diperuntukan untuk agensi-agensi khas ini untuk mereka buat kerja. Saya bagi contoh. Macam JPS ada program ataupun projek khas untuk tebatan banjir, *retention pond*, semua ini ada projek khas ok. Jadi yang ADUN boleh bangkitkan adalah mengenai projek-projek tersebut. Saya bagi kelonggaran tak payah bangun kata muka surat mana tetapi masi kena mengikut ini. Kalau tidak kita akan balik kepada perbahasan dasar sekali lagi. Boleh, ok, ada lagi Kota Damansara.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Ok lah, terima kasih, tapi saya nak bangkitkan tadi sebab saya melihat sebab ada beberapa permasalahan yang timbul di kawasan tersebut. Tapi tak apalah, saya akan terus berhubung dengan pihak Exco untuk nak memastikan supaya apa sahaja permasalahan yang timbul di sini yang telah diadakan persatuan penduduk akan dapat ditangani oleh Exco Kerajaan sebab ini saya mementingkan keadaan yang berlaku di kawasan tersebut dan rakyat di sana berasa begitu bimbang kerana ia membahayakan penduduk-penduduk di kawasan itu. Ok, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak membangkitkan beberapa perkara berkenaan dengan pembangunan di kawasan saya sendiri. Yang pertama sekali berkenaan dengan berhubung kait dengan P01 Pejabat Menteri Besar muka surat 186, Kemudahan Asas PBT. Saya nak membangkitkan persoalan dengan kemudahan asas di Bukit Dama. Bukit Dama ini terletak di tengah-tengah antara Cyberjaya, antara Pekan Dengkil, antara banyak lagi kawasan termasuklah kawasan yang dipunyai oleh Setia Haruman di Cyberjaya sendiri. Yang

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

masalah utama ialah walaupun terdapat cadangan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk menaik taraf Jalan Bukit Dama ini tetapi yang menjadi persoalannya sekarang jalan masuk ke Bukit Dama itu sendiri masih lagi tidak diberikan perhatian oleh pihak PBT mahupun pihak JKR. Penduduk di Bukit Dama baru-baru ini sudah mengusulkan ataupun sudah mengusahakan untuk membuat jalan masuk atas inisiatif sendiri. Tetapi malangnya, malangnya tidak ada kerjasama dengan pihak PBT dan juga pihak Setia Haruman Cyberview Cyberjaya yang mana surat yang diberikan kepada saya ini mengatakan bahawa pihak pemaju ingin membuat tuntutan sejumlah dua juta daripada penduduk disebabkan mereka membina jalan tanpa kebenaran daripada pemaju dan juga tanpa persetujuan daripada PBT sendiri. Jadi saya minta kalau boleh Kerajaan Negeri melalui PBT ataupun melalui JKR sendiri supaya menyelesaikan perkara ini berunding dengan penduduk sebab mereka dah bina rumah di kawasan tersebut. Tetapi masalah jalan asas di situ masih lagi menjadi pertikaian dan kalau boleh pihak PBT menjadi Perundingcara ataupun *mediator* dengan izin, untuk menyelesaikan masalah penduduk di Bukit Dama ini. Yang keduanya, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri. Terdapat Peruntukan untuk jalan sambungan Sungai Kelambu Genting Sanyir yang saya kira jumlahnya agak besar. Tetapi kali ini pada tahun hadapan diperuntukan sebanyak satu juta ringgit sahaja. Jadi saya inginkan perincian daripada pihak Kerajaan Negeri apakah satu juta ringgit ini untuk kerja-kerja permulaan dan bilakah jangkaan masa jalan sambungan ini boleh dapat disiapkan, lebih-lebih lagi jalan sambungan ini begitu penting disebabkan jalan Dengkil – Banting jugak sekarang ni amat sesak dan ianya jugak boleh dijadikan jalan pintas daripada Dengkil ke Tanjung Sepat ataupun ke Sungai Kelambu. Yang ketiga Tuan Speaker, saya juga ingin merujuk kepada P13, JPS muka surat 222 Jabatan Parit dan Saliran berkenaan dengan pembangunan Projek Tebatan Banjir. Sekali lagi ada yang saya bangkitkan semasa sidang yang lepas mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri seperti tebatan banjir yang akan dilakukan di beberapa tempat termasuklah kolam takungan di Taman Permata, menaik taraf saliran di Kampung Sungai Buah tetapi ada satu yang tidak dimasukkan yang juga saya rasa amat penting iaitu Projek Tebatan Banjir di Kampung Pulau Meranti sendiri. Yang ini juga seringkali penduduk mengadu kepada saya supaya dibuat sesuatu berkenaan dengan perparitan dan saliran di kawasan Kampung Pulau Meranti. Satu lagi berkenaan dengan Jabatan Parit dan Saliran jugak. Saya jugak mendapat cadangan daripada penduduk Kg. Bukti Changgang. Kampung Bukit Changgang ni terdapat satu parit besar yang terus menghala ke Sungai Langat. Masjid Bukit Changgang ini terletak betul-betul di berhadapan dengan simpang tiga jalan utama Dengkil-Banting dan juga Jalan KLIA-Bukit Changgang. Jadi pada hari Jumaat Masjid ini menjadi tumpuan. Bukan sahaja semasa hari Jumaat, masalah *parking* kereta semasa orang menunaikan solat itu begitu mendesak, dan mereka mencadangkan supaya di kawasan masjid itu dibina “*culvert*” tertutup agar ianya boleh dijadikan projek 2 dalam 1 untuk memudahkan

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

ataupun mengelakkan daripada banjir satu. Dengan adanya **culvert** tertutup dan kemudian boleh dijadikan tempat parking kereta semasa keadaan-keadaan sesak terutamanya bila solat Jumaat. Jadi ini saya minta perhatian daripada Kerajaan Negeri dan kalau boleh diberikan peruntukan kalau tak ada tahun hadapan tetapi ada diperuntukan-peruntukan khas daripada Pejabat Menteri Besar sendiri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri boleh melihat perkara ini. Saya rasa belanjanya tak sampai satu juta. Untuk memberikan menafaat kepada penduduk kawasan Bukit Changgang tersebut dan akhir sekali, berkenaan dengan Jabatan Agama Islam, P14, muka surat 235. Ini berkenaan dengan juga peruntukan pembinaan masjid-masjid di kawasan Dengkil. Dan saya sekali lagi melihat daripada buku anggaran perbelanjaan dalam bentuk pembangunan ini, Masjid Desa Sentosa ini ada dimasukkan tetapi masih lagi belum ada peruntukan daripada pihak Kerajaan Negeri. Kos membina lebih kurang RM12 juta. Tetapi pada masa yang sekarang, pada masa ketika ini penduduk telahpun mengambil inisiatif, telahpun mendapatkan sumbangan berjumlah RM2.4 juta yang mana dimasukkan kepada tabung Pembangunan Wakaf. Yang ini inisiatif daripada penduduk sendiri. Masjid, di kariah Masjid Desa Sentosa, yang mengharapkan supaya Kerajaan Negeri membantu untuk merealisasikan hasrat mereka mempunyai sebuah masjid. Mereka dah *collect* dengan izin, RM2.4 juta, dan saya kira bolehlah diperuntukan sedikit untuk tahun depan, kalau boleh di pihak Kerajaan Negeri membantu usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Masjid Desa Sentosa. Seperti mana yang dicadangkan dan digalakkan dalam ucapan Menteri Besar sendiri, bahawasanya inilah usaha-usaha yang akan kita jayakan di masa akan hadapan, kita menggalakkan masyarakat untuk menginfakkan dan pada masa yang sama mereka Kerajaan Negeri juga boleh membantu untuk membina masjid ini. Saya rasa itu sahaja buat setakat ini. Dan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tungku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya juga ingin mengambil bahagian didalam usul pembangunan ini. Usul pertama yang hendak saya bangkitkan adalah berkenaan dengan program-program kebajikan dan berbagai-bagai inisiatif yang dikemukakan dan dicadangkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun hadapan. Tetapi aspek yang hendak saya kaitkan adalah berkenaan aspek dari segi membasmi kemiskinan. Dan saya merujuk juga kepada laporan Audit oleh Ketua Audit Negara Tahun 2013 yang berkaitan dengan perbandingan apa itu perbandingan penerima skim bantuan Am terhadap bantuan-bantuan yang lain dan juga kebajikan yang ada di Negeri Selangor. Dan saya merasa bahawa ada perlu supaya Kerajaan Negeri Selangor selain daripada merencanakan program-program atau inisiatif-inisiatif yang baru termasuk mengekalkan yang lama, merencanakan yang lama dan membawa yang baru. Kita juga perlu membawa satu laporan prestasi atau *performance report* supaya oleh dibentangkan dalam Dewan Yang Mulia ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat boleh bantu saya, Yang Berhormat merujuk Kepala mana?.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Itu merujuk kepada PK.60606, muka surat 216. Tadi ada disebut tentang Program Kebajikan. Itu adalah Kepala Kecil atau Kepala Besar adalah PK.6 Wanita, Kebajikan dan Kesihatan. Jadi itu adalah sudut yang hendak saya menyentuh berkenaan dengan prestasi ini. Tidak ada gunanya kalau kita mempunyai wang mencukupi untuk membelanjakan program yang banyak dan menyeluruh tetapi keberkesanan itu tidak dapat dirasai. Saya hendak memetik laporan Audit di sini di mana terdapat hanya 25% penerimaan Skim Bantuan Am yang menerima yang ada menerima lain-lain bantuan Kebajikan daripada Kerajaan Negeri seperti dinyatakan di bawah termasuklah Skim Mikro Kredit, Jom *Shopping* dan sebagainya. Jadi saya rasa barangkali ini juga berkaitan cadangan saya untuk menambahkan Bantuan Am daripada RM350.00 barangkali boleh beramal menampung kehidupan seseorang yang menerima bantuan itu. Saya kira dalam Audit yang sama ada disebut bantuan ini di Negeri Pulau Pinang dinaikkan sehingga ke RM700.00. Jadi saya kita itu satu perkara yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan memandangkan dasar Kerajaan adalah untuk tidak menambah tetapi daripada segi program-program pembangunan dan kebajikan ini ianya haruslah menepati sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan. Yang Kedua berkenaan dengan Jabatan Kerja Raya muka surat 206 yang mempunyai pecahan Kepala yang banyak 1, 2, 3, 4, 5. Saya hanya ingin menyentuh tentang PK mata saya PK.2 atau 3 dan 4. Mungkin akan menyentuh PK.4. Iaitu menyentuh dengan aspek keselamatan bagi penunggang motosikal yang kerap kali menggunakan laluan motosikal di lebuh raya. Lebuh raya Persekutuan dan juga di jalan-jalan di bawah pemantauan dan penyelenggaraan Jabatan Kerja Raya. Contoh spesifik adalah Kelana Jaya Line, Persiaran Kewajipan Kelana Jaya Line dan Persiaran Tujuan yang mempunyai sambungannya kepada dalam *federal highway* melalui satu selekoh ataupun simpangan yang membenarkan motosikal masuk. Sebenarnya ini adalah isu lama tetapi malangnya ramai nya memberi perhatian hanya kerana mereka yang menunggang motosikal setiap hari yang akan merasainya. Baru-baru ini pun kita juga dikejutkan dan dimaklumkan tentang satu berita daripada Kerajaan untuk menaik taraf laluan motosikal. Tapi saya kira itu adalah satu usaha tidak cukup dan saya memohon Jabatan Kerja Raya, kerana bahagian-bahagian jalan ini diurus atau diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya. Jabatan Kerja Raya Petaling ada memberi sumbangan yang mencukupi untuk menaik taraf laluan motosikal dengan membuat *road making*. *Road making* yang membenarkan motosikal itu melalui mengguna laluan itu dengan lebih selamat tidak berlaku pelanggaran. Tetapi itu berlaku di sebahagian laluan motosikal sepanjang *federal highway*. Saya sebagai pengguna motosikal saya rasa itu hanya merupakan satu penambahbaikan yang perlu dilakukan. Masalah dengan banjir keselamatan khususnya waktu malam khususnya di tempat-tempat di Kelana Jaya Line bukan sahaja mereka yang memandu kereta merasa kluatir kerana lampu jalan yang



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

sering kali tidak menyala tapi penunggang motosikal. Keadaan itu lebih dahsyat dan menakutkan di selekoh-selekoh itu di bahagian selekoh di antara Persiaran Tujuan ke *federal highway* dan juga ke Persiaran Kewajipan ke *federal highway* melalui Kelana Jaya Line. Saya merasa perkara-perkara ini diberi perhatian yang lebih diberi perhatian sedikit oleh Kerajaan sekiranya terdapat peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, saya kira Kerajaan Negeri mempunyai kedudukan kewangan kukuh untuk *top-up* penambah baik. Itu juga pada pemerhatian saya yang memperlihatkan bajet ini seolah-olah kurang diberi perhatian jalan-jalan JKR di sekitar Petaling. Di kawasan Petaling kawasan (MPPJ) saya kurang pasti apakah sebabnya, ini kerana kebanyakan jalannya Majlis Perbandaran Petaling Jaya adalah jalan Majlis ataupun merupakan lebuh raya yang telah diswastakan malah tidak perlu ada peruntukan yang banyak diperuntukan kepada JKR Daerah Petaling. Tetapi saya berharap kalau ada isu-isu saya timbulkan tadi itu maka haruslah kita pertimbangkan untuk peruntukan tambahan untuk menaik taraf jalan-jalan ini. Dari segi keselamatan dari segi lampu jalan dari segi laluan motosikal dari segi banjir dan sebagainya. Sekian sahaja. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor. Untuk memperuntukan jumlah besar kepada pembangunan desa sebab kawasan saya pun dari desa. Walaupun Ijok mendapat anugerah *champion* dalam kampung tradisi di Selangor. Tetapi saya dapati banyak kekurangan yang boleh dibaiki di kampung-kampung. Yang pertama jalan-jalan raya di kampung. Banyak jalan-jalan kampung terbiar lagi-lagi di Ijok, Jalan Orked, Jalan Saga. Ini Jalan Saga ini jalan masalah sebab banyak saga, sebab banyak kali diturap, dibaiki tetapi banyak kali telah dirosakkan oleh kenderaan-kenderaan berat. Dan ini jalan tidak ada lampu masa malam dan ini membahayakan kenderaan-kenderaan kecil dan menaiki motosikal. Jadi saya haraplah peruntukan untuk desa ini. Bagaimana kita hendak menghalang kenderaan-kenderaan besar lori-lori besar melalui jalan-jalan itu. Sebab kita baiki elok dalam dua tiga bulan rosak balik banyak lubang. Sebab jalan itu jalan, jalan *shortcut* daripada Rawang ke Shah Alam dia melalui jalan belakang. Jalan-jalan kampung rosak sebab jalan-jalan ini tidak boleh menampung kenderaan-kenderaan berat, sebab banyak lori-lori bawa kelapa sawit masuk dalam kampung dan juga lori pasir. Jadi saya memohon Kerajaan Negeri Selangor peruntukan yang ada itu bolehlah.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Timbalan Speaker boleh saya mencela.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Ijok kerana memberi kebenaran untuk mencela. Jalan Saga ini adalah jalan yang penting ini di bawah



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

pengetahuan saya. Adun Sungai Burong menyokong apa ini yang dibangkitkan oleh apa ini Ijok ini. Dan saya ingin mendapatkan orang kata persetujuan Ijok ini. Sebenarnya jalan ini memang sangat penting digunakan oleh kenderaan yang banyak bukan sahaja berhubung dari Rawang ke sekitar kawasan Kuala Selangor tetapi ini sebagai satu jalan infinitif untuk mengatasi kesesakan terutamanya pada hujung minggu kita tahu jalan Pantai Barat ya dengan adanya *highway* LATAR itu. Kenderaan yang keluar dari situ dan kemudian itu akan memasuki jalan-jalan *automotif* ini. Dan jalan *automotif* memang terlalu teruk masalahnya yang dihadapi Jalan Saga ini ialah walaupun ya saya lihat Kerajaan Negeri berusaha untuk membaiki jalan ini. Tetapi jalan ini amat mudah rosak kerana kenderaan-kenderaan berat, lori-lori mengangkut pasir menggunakan jalan ini. Jadi saya ingin penjelasan sama ada Ijok ini ya bersetuju ya dengan kenyataan ini ya minta supaya Kerajaan Negeri perhatian dalam perkara ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ijok sambung.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Sungai Burong. Nombor.2 saya hendak bangkitkan isu keselamatan di kampung-kampung sebab jenayah meningkat dan juga kemalangan meningkat. Jadi banyak kawasan-kawasan kampung ini gelap. Jalan-jalan raya kampung gelap, simpang-simpang gelap kalau kita tengok dalam laporan kemalangan di simpang-simpang kampung. Sebab gelap dan mereka tidak tahu mereka sudah sampai simpang dan kadang-kadang masuk ke dalam belukar. Jadi untuk peruntukan di kampung-kampung saya haraplah Kerajaan terangkanlah kampung-kampung di rumah dan jalan-jalan di kampung supaya memberi satu keselamatan kepada warga kampung. Dulu saya 4 tahun sudah saya mulakan dengan inisiatif menerangkan jalan kampung pakai Solar Latin ya ada jalan kubur dan juga di Kampung Lumut. Tetapi saya tidak tahu bagaimana saya haraplah Kerajaan pada masa itu memanjangkan dan meluaskan lagi inisiatif ini sebab solar latin boleh pergi ke kawasan pinggir iaitu kawasan orang asli tidak ada talian elektrik. Jadi saya harap ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat ada contoh atau spesifik tempat kampung mana atau daerah mana atau mukim mana bagi memudahkan EXCO menjawab.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Ya saya ingat EXCO sebelah pelancongan pun dah datang tempat saya. Beliau pada masa itu bersetuju untuk cara menerangkan kampung-kampung kawasan gelap memberi keselamatan pada kawasan-kawasan ini. Bukan untuk menerangkan sahaja tetapi bagaimana kita hendak memberi keselamatan kita kena wujudkan macam satu pasukan di kampung macam Rukun Tetangga. Saya dapati kebanyakan jenayah berlaku ataupun masalah berlaku semalam. Satu yang hendak saya sentuh masalah pembuangan sampah ini ia berlaku masa malam masa siang penguatkuasaan ada masa malam hujung minggu mulalah masalah tengok sampah bertimbun pembakaran haram, pembakaran tempurung di Ijok berlaku masa

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

malam. Dan ini berlaku merosakkan alam sekitar. Ini salah satu inisiatif yang ada kalau ada peruntukan untuk meningkatkan perusahaan dan memberi keselesaan di kampung-kampung. Sebab mereka tahu pada siang hari *office hours* mereka tidak buat macam itu. Tapi pada masa malam ya hujung minggu masalah ini timbul. Itu sahaja saya hendak beritahu tentang inilah di desa apa sepatutnya peruntukan yang banyak. Saya harap disalurkan lebih kepada pembangunan. Saya sebutkan tadi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sebelum saya izinkan Yang Berhormat saya hendak menaikkan kembali kepada cadangan bajet pembangunan yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar tadi. Supaya kita tidak keluar daripada rel yang dibenarkan ini ya. Saya mempersilakan Seri Andalas. Selepas itu Sungai Burong.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya hendak membawa beberapa perkara dalam bajet pembangunan kita tahun hadapan. Satu-satunya adalah isu tanah yang hendak kita bangunkan ataupun tanah-tanah yang ada di dalam kawasan. Saya hendak mencadangkan Kerajaan untuk meneliti bagaimana kita boleh bekerjasama dengan pemilik-pemilik lot-lot di dalam kawasan-kawasan bandaran contohnya di Klang di Seri Sri Andalas, di mana kita nak majukan tanah-tanah ini tetapi kita diikat dengan syarat-syarat tertentu bahawa tanah-tanah ini ialah tanah persendirian dan kita tidak boleh buat sesuatu. Tetapi sebagai ADUN kawasan, bila kita turun, penduduk-penduduk bertanya kita sebab apa dulu boleh buat, sekarang tidak boleh buat? Dulu sebab ada dana, untuk luar bandar yang digunakan, tadi EXCO pun jawab dengan saya, jawapan itu adalah ICU ada dana itu dan mereka boleh gunakan tetapi mereka tidak gunakan di dalam kawasan dan kita pun ada masalah juga. Apa yang saya nak cadangkan di sini untuk kita tengok macam mana kita boleh bekerjasama dengan pemilik-pemilik lot tanah ini untuk kita selaraskan pemberian tanah ini melalui satu proses untuk mereka. Di dalam Negeri sekarang, kita ada satu kaedah di mana kalau mereka duduk atas tanah itu lebih dari 10 tahun dan sebagainya dan pemilik dia ialah tanah dan dia boleh tunjukkan bukti bahawa dia lah yang memiliki tanah itu melalui program ini kita boleh tukar syarat tanah itu kepada tanah persendirian dengan berikan nombor lot dan geran kepada mereka. Untuk kalau tak silap saya untuk RM1 ke RM2 kita boleh buat. Ada program itu. Boleh kah kita gunakan program ini yang kita ada di dalam Negeri untuk tanah-tanah lot-lot ini di dalam Kerajaan? Kita bagi dia, katakan kita bagi mereka 1 tahun untuk mereka datang sebagai satu kumpulan untuk buat demikian dan kita bagi kelonggaran ataupun kita bagi faedah yang kita ada di dalam Negeri untuk kita selesaikan masalah ini. Sebab Tuan Speaker, kalau kita tidak ambil inisiatif sebagai Kerajaan, masalah ini tidak akan diselesaikan di bawah dan tiap-tiap tahun kita akan adakan masalah yang sama dia. Banjir di dalam kawasan itu, jalan masalah dia, lampu masalah dia. Sebab, mereka telah binakan rumah atas lot, dulu lah..dulu. Ini 10 tahun lebih, sekarang dan sebagainya. Tanpa ada kelulusan dari mana-mana pihak. Dan,

pada waktu itu, Kerajaan pada waktu itu tutup mata sahajalah. Berikan mereka buat juga, tak ada tanya soalan apa-apa dia. So, ini jadi satu masalah di dalam kawasan, contohnya di Sri Andalas, ada dekat 15 lot macam ini. Tiap-tiap lot itu dia ada lebih dari 20 sampai 25 rumah. Dan ini jadi isu sebab kalau kita tidak buat sesuatu, akhir sekali kita akan dikatakan kita tidak ambil inisiatif untuk buat sesuatu, so saya minta Kerajaan untuk tengoklah macam mana kita boleh atasi masalah ini. Yang itu, Tuan Speaker, saya nak bawa perhatian kepada pertanyaan yang kita belanja banyak di dalam bajet kita untuk bangunkan pertanian di dalam Negeri. Saya nak katakan di dalam Dewan ini bahawa *we have a problem*. Ya, *we have food security problem* di dalam Negeri Selangor. 90% dari makanan harian kita datang dari luar Negeri bukan kita yang tanam dan kita dapat hasilnya di dalam Negeri. Kalau ada masalah di Cameron Highlands, sayur-sayuran di dalam Selangor akan jadi isu tak dapat ataupun harga akan naik. Sebab itu Kerajaan Negeri, dengan EXCO berkenaan, dengan pertanyaan ini kita kena tengok macam mana kita boleh atasi *food security* ini di dalam Negeri Selangor. Dan, *kalaulah* kita serius ya, saya tengok dalam perbelanjaan kita akan buat *community farming*. Pertanian di dalam kawasan-kawasan PBT dan juga di dalam Negeri-Negeri. Saya minat sebab saya mulakan program ini dalam kawasan tapi bila saya tanya PBT-PBT masing-masing untuk serahkan tanah-tanah yang tidak digunakan, dia biarkan tanah macam itu, nampak orang tak gunakan ia sebagai tanah permainan ataupun tidak gunakan untuk lain tapi bila saya tanya, reaksi mereka ialah ini sudah digazetkan kawasan hijauan tidak boleh sentuh tapi tidak ada orang yang gunakan tanah ini. So, *you have to solve the problems* bukan bawa *problem* balik kepada saya katakan tidak boleh digunakan so ini EXCO Pertanian kena bincang dengan PBT-PBT masing-masing. Ada banyak tanah di dalam kawasan-kawasan semua ADUN-ADUN yang tidak digunakan, *somehow it's growing wild* kita tak buat apa dia pun tak buat apa tapi dia biarkan macam itu tetapi bila kita tanya untuk buat *community farming* dia kata tidak boleh buat, so, saya perlu jawapan ataupun satu tindakan kena dibuat oleh EXCO berkenaan tentang pertanyaan juga. Di dalam isu pertanian juga, saya nak masuk sedikit kepada Veterinar, Seksyen Veterinar dia penternakan lembu di dalam kawasan. Ini satu industri besar Tuan Speaker. Sekarang kita tak cukup daging lembu dan juga kita import dekat 100% susu dari luar, untuk industri kita di dalam kawasan. Saya bangkitkan perkara ini sebab, Tuan Speaker, di dalam kawasan saya sahaja ada mempunyai dekat 5 penternak lembu yang besar dan mereka mempunyai dekat 50 sampai 70 ekor lembu di dalam kawasan. Itu di dalam kawasan perbandaran. Petang-petang kita tengok lembu itu jalan mana-mana, trafik diberhentikan, bila saya tanam pokok-pokok dia pergi makan juga. Saya nak tangkap lembu-lembu ini semua tetapi susah. Sebab mereka kata, mereka sudah pun berindustri ini sudah lama. Sebagai, *it's a second generation* ataupun ada orang *third generation* yang buat kerja ini. Dan ia *very profitable*. Ya, kalau harga susu lembu ini 1 liter yang dia jual dari tempat dia punya *farm* itu ialah dekat RM3.50 sampai RM4 lebih 1 liter. So, satu hari dia boleh

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

dapat dekat 40 atau 50 atau 60 liter. *It's a lot of money.* So, kalau kita tak buat sesuatu ya, kita nak sekarang suruh dia keluar dari kawasan sebab kita nak majukan kawasan. Contohnya, JPS akan besarkan saluran air di dalam kawasan saya Sg. Aur, tetapi di tepi-tepi Sg. Aur itu ada satu penternakan lembu yang besar dengan dekat 80 ekor lembu. Tapi kita kata *you have to move.* Tapi dia kata saya *move* mana? So, saya ingat inisiatif ini kena diambil oleh Negeri untuk kita kuasakan tanah di kawasan-kawasan yang di luar bandar dan sebagainya. Contohnya ada buatlah dulu ya, tapi *you* bagi tanah itu di atas bukit untuk lembu. Saya pergi melawat tempat itu, itu lembu lain yang duduk dalam kondo punya. Tapi lembu ini semua di atas bukit. Saya naik dengan 4WD atas bukit itu pun susah. Macam mana lembu nak naik atas bukit itu dan dia akan bagi tanah itu kepada bukit? So, saya ingat lebih baik kita cari tanah di kawasan-kawasan tertentu yang kita ada ataupun kita kerjasama dengan Sime Darby dan sebagainya, ada tanah banyak. Untuk bagi mereka tanah 10 ekar satu orang lepas itu kita boleh suruh mereka ini pindah kepada kawasan-kawasan lain dan industri ini kita boleh bangun sebab ini industri besar. Saya tak tahu sekarang pemilik industri ini dia bayar *income tax* ke tak ada saya tak tahulah. Tapi kalau Kerajaan masuk, dia boleh dapatkan hasil untuk Negeri juga, so, saya ingat EXCO berkenaan dan Negeri kena buat kajian dan beritahu macam mana kita atasi masalah ini, kalau tak ada kita kena tangkap lembu semua di dalam kedai lepas tu Hari Raya Haji depan kita boleh jual lah. Saya, akhirnya ada dua perkara lagi. Saya memang sentuh isu banjir. Selalu, sebab saya duduk di dalam satu kawasan yang selalu banjir. Banjir kilat, banjir di dalam bandar, banjir di dalam taman dan ini sudah lanjutkan beberapa tahun dah. Dan saya berterima kasih kepada Kerajaan. Bukan tak buat, buat juga. Ya, kita sudah belanja di dalam kawasan saya untuk tahun yang lepas dan tahun ini kita telah belanja dekat RM40 juta lebih untuk atasi masalah. Tahniah dan syabas. Itu dengan inisiatif ADUN juga sebab selalu bawa, bangkitkan perkara ini sahaja dapat bayar untuk buat kerja. Tetapi, saya ingat kita kena ingat yang berlaku di Pulau Pinang ini bukan sahaja katakan kita boleh tutup mata dan kata ini akan jadi di Pulau Pinang tak akan jadi di Negeri Selangor. *Tropical Storm* ini dia boleh datang di mana-mana kawasan. Dan kalaulah 315 mm air turun dalam jam 5 sampai 15 jam kalau di Selangor kalau 100 mm atau atas, banjir semua kawasan ya. So, kerja dengan JPS dan EXCO berkenaan, dengan Kerajaan Negeri, kita kena ada kita punya *20 years flood plan*, kita kena ada untuk masa depan. *You have to start thinking about Storm water storage, you have to start thinking about..*macam mana pembangunan baru-baru ini kita kena bina longkang-longkang yang lebih sesuai, lebih besar dan juga di kawasan-kawasan taman lama ini, saya sudah sebut di dalam Dewan tapi saya kena ulangkan lagi, taman-taman lama ini yang 50 tahun dan 40 tahun dan sebelum ini, macam mana kita nak gunakan *reserve* kita yang ada ataupun gunakan peruntukan pada tahun itu untuk kita pastikan bahawa kita buat menaiktaraf kawasan-kawasan ini untuk adakan kolam-kolam dan sebagainya. *We have to also think about underground water storage.* Sebab, kita tidak boleh jawab

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

kepada orang di bawah bila banjir, susah nak jawab ya. Dan satu-satunya saya tengok kita telah pun buat kajian dan JPS dan MPK, pun berkata dengan saya mereka setuju dengan jenis-jenis pam kita kena ada, dan beli dan pam-pam ini sekarang nak tukar kepada pam yang terkini yang katakan *screw pump*. Sebab *screw pump* ini bila pakai *screw pump* dia boleh *suck*, dia boleh ambil semua dah sekali. *Plastic bag*, dan sebagainya, dia tak ada masalah dengan, untuk mengambil ini semua dan ini lebih sesuai untuk keadaan yang ada di sini. Lama dah mereka kata, mereka sudah dapat satu peruntukan pembangunan untuk beli pam tetapi sampai sekarang saya tak nampak pam itu lah. Memang tender sudah keluar ke, tender belum keluar ke, pam itu akan dibeli ke berapa pam akan dibeli untuk kawasan Klang sahaja ya. Dan kawasan perumahan itu, saya ingat kena ada satu jawapan dari EXCO nanti tentang isu ini. Dan dengan ini sahaja, cara ini sahaja kita boleh atasi masalah banjir dalam perbandaran. *These are all bandar*. Kemiskinan bandar, banjir bandar dan trafik sesak di bandar. *So, we have, we are staying and living in a city environment* di mana dia jauh perbezaan dengan di luar bandar. *So*, apa yang kita nak buat untuk atasi dengan pembangunan yang saya nampak sudah pun banyak sekali tetapi macam mana kita nak gunakan untuk atasi masalah ini. Akhir sekali, saya nak sentuh sedikit dengan peruntukan RM5 juta untuk SJKT Sekolah Tamil di dalam Negeri Selangor. Saya nampak sekarang cara dia untuk kita bantu sekolah-sekolah ini ialah untuk kita berikan beberapa ribu ringgit kepada PIBG dan lepas itu, kita katakan kerja kita sudah habis, tetapi macam mana mereka gunakan dana ini sebab ini lah satu-satu amaun yang besar, ya. Dan kita kena pastikan bahawa bila kita bagi dana ini kepada SJKT di dalam Negeri Selangor itu kena bantu kemajuan sekolah dan juga untuk naik taraf pendidikan di dalam sekolah-sekolah. Sekarang, SJKT ini kelulusan mereka di UPSR dengan bantuan yang kita telah mula dari 2008 sampai sekarang saya gembira beritahu di Dewan ini telah meningkat sampai 50% yang mereka lulus di dalam UPSR. Bila Kerajaan ini ambil, Kerajaan pada tahun 2008, kelulusan mereka ialah 38% sahaja. Sekarang lebih dari 50%. Dan kita kena pastikan program yang kita akan anjurkan itu separuh dari peruntukan RM5 juta itu, kena dirancang dan *diplan* oleh EXCO berkenaan macam mana kita boleh gunakan separuh peruntukan ini untuk kemajuan sekolah-sekolah ini dengan program-program tertentu yang dirancang oleh Negeri sendiri. Ini mesti dilakukan. Dan juga kita ada 2 tadika yang kita telah bina dengan gunakan peruntukan ini, tadika rakyat, 1 di Andalas dan 1 di Seri Setia dan kita kena bantu tadika ini juga sebab tadika ini ialah untuk murid-murid, anak-anak kita dari golongan yang berpendapatan rendah yang masuk ke tadika ini dan kalau tak silap saya mereka kena bayar RM20.00 sahaja. *So*, saya nampak dalam beberapa tahun ini, tak ada peruntukan untuk tadika ini dan ada masalah untuk bayar cikgu dan sebagainya, memang *standard* tadika ini turun dan kita kena bantu tadika-tadika rakyat ini. Kalau boleh kita kena bina lebih tadika rakyat di dalam kawasan. Satunya saya boleh katakan di sini, 1 di Kapar atau dekat dengan Sementa ada tanah Kerajaan, kita

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

boleh bina satu. Ini tadika adalah kompleks ada 6 darjah dia di dalam. Dua-dua tadika ini penuh dengan 120 lebih *pre-school students* yang gunakan tadika ini yang kita bina. Dan ini satu-satunya untuk meningkat taraf pendidikan dari bawah ke atas di mana golongan B40 akan dapat bantuan daripada pembayaran fi tadika yang tinggi untuk kita atasi masalah ini di dalam Negeri Selangor. Itu lah sedikit yang saya nak bawa Tuan Speaker. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan Sg. Burong untuk memanggil Perbahasan dalam Usul No. 9 Tahun 2017, Usul bagi Bajet Peruntukan Pembangunan 2018. Sg. Burong ingin mengambil bahagian untuk membincangkan Perkara PK 2 Pembangunan Luar Bandar mengenai Pecahan Kepala 0221 iaitu Pembangunan, Program Pembangunan Ekonomi Nelayan, Petani dan Penternak. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan, Sg. Burong ingin membangkitkan mengenai masalah jeti di Parit 3, jeti nelayan di Parit 3 Sg. Burong yang mana saya mengucapkan setinggi penghargaan, terima kasih kerana pihak Kerajaan Negeri telah pun pernah ya, menggunakan, memberikan peruntukan untuk mengorek muara sungai bagi membolehkan nelayan-nelayan mudah untuk pergi keluar dan balik ke laut untuk menangkap ikan. Nelayan di Parit 3 ini ialah merupakan nelayan-nelayan kelas A yang merupakan nelayan-nelayan pantai, mereka adalah golongan nelayan yang berpendapatan rendah dan mereka ini adalah merupakan golongan yang benar-benar membanting tulang dan mengeluarkan peluh kerana mereka dengan bot-bot yang kecil dan pukuk-pukuk yang kecil akan keluar ke laut daripada pagi masa air pasang dan mungkin kembali apabila air pasang telah surut. Dan masalah yang dihadapi oleh mereka ialah apabila mereka kembali dari laut dengan keadaan letih dan memenatkan ini, mereka tidak dapat mudah untuk masuk ke muara dan ke jeti-jeti kerana benteng-benteng itu telah bertaut. Walaupun tindakan telah dipanggil untuk, orang kata, mengorek pasir-pasir benteng ini, tetapi keadaannya berulang. Jadi, saya ingin menggesa kepada Kerajaan Negeri, khususnya, supaya setelah peruntukan diberi janganlah tinggalkan macam itu. Kita kena buat kajian, cari *solution*, saya berfikir kita, kalau kita sentiasa berusaha untuk mencari *solution* tentulah ada *solution* untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi, dengan ini kita dapat meringankan bebanan pada nelayan, yang dihadapi oleh nelayan-nelayan yang berpendapatan rendah tersebut. Yang keduanya, saya ingin juga ingin membangkitkan mengenai masalah kemudahan asas di luar bandar. Terutamanya, masalah benteng hakisan pantai. Hari ini, kawasan-kawasan benteng di Pantai Barat Negeri Selangor ini, ya, telah dibina dengan sekian lama dan oleh sebab pasang, air pasang besar yang berlaku lebih kurang 4 kali setahun ini telah semakin meningkat menyebabkan benteng-benteng ini tidak dapat bertahan, ya. Air laut ini telah melimpah kawasan benteng menyebabkan beberapa kawasan benteng ini telah rebah. Saya telah membangkitkan perkara ini berhubung



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

kawasan benteng di tepi laut daripada kawasan Kampung Bagan Sungai Kajang, bukan, kawasan penempatan nelayan-nelayan masyarakat Cina sehinggalah ke Kampung Lembah Pantai di kawasan penempatan orang Melayu di Tanjung Karang. Masalah yang dihadapi, *stretch* pantai ini tidak panjang, lebih kurang 3km tapi hakisan-hakisan pada masa air pasang besar telah menyebabkan benteng-benteng ini rebah dan memerlukan pengukuhan, jadi, saya pernah mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya mempertimbangkan peruntukan tahunan untuk memperkukuhkan benteng. Saya rasa kalau dilaksanakan ini, kerana kawasan ini telah terbiar, ya. Benteng sehingga daripada kawasan Kuala Selangor ke muara Sg. Tengi di Tanjung Karang telah ada dan nampaknya kukuh dan tahan sampai sekarang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta pencerahan sikit.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sekinchan minta laluan Sg. Burong.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sebab isu ini tadi saya sudah bangkit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Nak tanya pasal apa?

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Soal seluruhnya. Jadi, tak perlu lah ulang-ulang buang masa. Sebab pagi tadi tak datang. Lain kali kena datang benda soal benteng ini. Pagi tadi tak datang. Tadi kita dah ulang perkara ini

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sekinchan ni apasal nak menyibuk sangat

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Bukan, saya nak bagitau tak perlulah buang masa Dewan, benda ini sudah dibangkit, sekarang sudah dibahas. Sekarang bawa lagi..

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sekarang bukanlah dibahas..Sekinchan ini peluang saya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Benda dah cakap seluruhnya benteng-benteng di pesisiran pantai di Negeri Selangor.

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tolong ikut peraturan ya. Janganlah nak jadi hero. Jangan lah nak jadi EXCO semua nak kempen.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sudahlah. Ceritalah benda lain. Ini cerita benda yang sama. Buang masa Dewan itu.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Benda ini isu-isu tempatan, isu yang bawa. Kalau lah Sekinchan dah bawa pun, saya dah bawa petang ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sg. Burong sekejap, sekejap.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Dalam sidang lepas pun, saya..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sg. Burong, ya, ya..Cuba rujukkan benteng di kawasan Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ya, ok.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sg. Burong boleh merujukkan kawasan benteng Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Itulah yang saya nak cerita. Saya dah merujuk pun. Kawasan tersebut pun bukan kawasan Sekinchan, bukan kawasan dia. Ya, ini kawasan di tempat saya. Saya sebut di kawasan Bagan, Sg. Tengi Kajang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Benda itu, pagi tadi saya sudah sebut.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Eh! Siapa suruh bangun! Duduk! Duduk! Duduk!

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya sudah, saya sudah..seluruh, saya sudah mewakili Sg. Burong. Sebab Sg. Burong tak datang.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tuan Speaker, ini orang yang tak ikut peraturan ni. Ini yang merosakkan Dewan ini..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Kaki ponteng! Kaki ponteng! Sebab itu, kaki ponteng!



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** mencemarkan nama baik Dewan Undangan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Sebab itu..itu lah sebabnya! Orang dah buat, orang dah cakap..tak perlu lah ulang-ulang. Buang masa Dewan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Kalau ada orang macam ini, orang Ahli Dewan bercakap..dia..apa ini

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Itulah yang jadi masalahnya. Ha..itulah sebabnya. Dari pagi kena datang, jangan ponteng. Kena datang. Jangan ponteng! Pagi tak nampak! Ponteng!

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Siapa ponteng?! Eh siapa ponteng?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok. Sekinchan duduk. Sg. Burong duduk. Sg. Burong duduk. Yang Berhormat duduk sekejap. Minta duduk Sg. Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Rekod kedatangan saya ini ada dalam sini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sg. Burong duduk!

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya telah buat tandatangan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat duduk sekejap, duduk..duduk.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ha..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Duduk..duduk sekejap.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tak, orang macam ini Tuan Speaker patut

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tak apa..tak apa.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Patut disiplin kan dia.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya sudah minta Sekinchan duduk.

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Kalau tak nak dia panjangkan ini, halau keluar dia. Ha..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sg. Burong, duduk..duduk..duduk. Duduk sekejap. Duduk kejam.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Mengacau!

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Duduk sekejap. Sg. Burong! Duduk!

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ini lah pengacau! Saya Ahli Dewan Undangan Sg. Burong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya minta duduk.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Saya mempertahankan kawasan saya.

(Timbalan Speaker menutup mikrofon)

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Petani-petani, nelayan di kawasan saya!

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ingkar arahan Speaker. Dia ingkar arahan Speaker.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Sekinchan nak menyibuk kenapa. Dia nak perjuangkan, perjuangkan lah nelayan kawasan dia. Turunlah harga ikan di kawasan Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Jamal jual ikan lah terus. Sg. Burong pun pergi jual ikan. Tiap-tiap pagi pergi jual ikan, saya galakkan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terpulang pada saya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya akan beli ikan dengan Sg. Burong. Dapat pergi jual ikan lah Sg. Burong

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Kalau bukan masalahnya..perjuangkan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terus jual ikan lah dengan Jamal Pak Tongkol. Ambil GST, kutip GST daripada rakyat.

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya minta semua duduk. Semua duduk.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Apa lah buat kacau. Saya cakap elok. Macam budak-budak.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok. Terima kasih Yang Berhormat sekalian. Dah bertenang. Saya mempersilakan Sg. Burong sebentar lagi membawakan Urusan Pembangunan di Sg. Burong. Silakan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** *Astaghfirullah halazzim.* Ini hari Jumaat tuan-tuan. Kena banyak istighfar. Ok. Perkara ini sepatutnya tak timbul. Kita jangan iri hati ADUN lain bangkit isu. Ini masalah-masalah tempat. Masalah daripada saya. Tahun lepas dah rebak benteng ini. Tahun ini pasang balik itu pun ada kawasan-kawasan dah rebak. Saya nak mengikut kawasan rebak ini di pantai ini, bukan sahaja pantai ini, itu perkara yang kedua, ada lagi perkara ketiga. Kawasan rebak di benteng sungai sebab hakisan. Ini, saya, isu-isu tempat saya tapi ini orang-orang yang ini yang suka mengacau ini, ha ini yang membuatkan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, saya beritahu sebab benda ini tadi sudah dibawa.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ha, tengok ini tak ada ikut peraturan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Nak bawa lagi. Jadi buang masa. Itu sebab saya protes.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Tak ikut peraturan, jangan duk kacau. Menyibuk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya tak ada apa, dia boleh bawa. Tapi benda berulang-ulang. Benda itu berulang-ulang.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Hoi! Menyibuk!

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Berulang-ulang itu yang menyebabkan saya marah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok, cukuplah Sekinchan. Sekinchan cukup. Sekinchan duduk.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya tak ada masalah tapi dia berulang-ulang

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Jangan sibuk. Ini kawasan saya. Ini kawasan saya Tuan Speaker. Sombong bodoh! Bodoh sombong! Ok, baik terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Belum lagi, saya belum izin lagi. Duduk dulu.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Ok..ok.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kita kalau hilang pertimbangan, kita akan mengeluarkan perkara-perkara yang tidak baik. Kita ni orang dewasa semua. Kita boleh mengeluarkan pandangan kita sendiri tetapi biarlah kita menghormati sahabat kita yang lain. Ok, Sg. Burong sambung.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih.. Memperlekeh-lekehkan orang lain. Masalah yang saya ingin bangkitkan ialah masalah benteng. Saya mohon sangatlah jasa baik Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya menyediakan peruntukan untuk memperbaiki benteng demi keselamatan ya, ratusan rumah dalam pekan Tanjung Karang ini daripada masalah mungkin apabila orang kata nasi sudah menjadi bubur apabila benteng dah rebak nanti sebagaimana sejarah telah berlaku pada tahun 2000, ia tidak akan berulang. Yang faktor yang ketiga, saya sebenarnya ingin mengucapkan terima kasih kepada JPS yang telah memperkukuhkan benteng Sg. Tenggi Kanan ya, di Jalan Kilang Padi, daripada juga akibat apa, air pasang besar yang telah melimpah kawasan benteng menjadikan benteng itu rebak. Walau bagaimanapun, setakat ini, yang masih diperbaiki adalah kawasan daripada belakang kawasan pasar Tanjung Karang hinggalah di Jalan Kilang Padi sehinggalah ke Simpang Jalan Sg. Tenggi Kanan Baru ya. Saya suka menarik perhatian bahawa masalah apabila berlaku pasang besar, air tersebut juga melimpah daripada kawasan Jalan Kilang Padi, di Simpang Sg. Tenggi Kanan Baru hingga kawasan Jalan Kilang Padi ke Simpang Jalan Tn Haji Kiyai Muhid ya, di Kampung Sg. Tenggi Barat yang panjangnya lebih kurang 1.5 km kawasan ini terdedah dengan orang kata, limpahan air. Sebenarnya, daripada kawasan kilang padi, daripada simpang Jalan Tn Haji Kiyai Muhid hingga kawasan Sempadan Sawah Sempadan, itu ada satu benteng ya, benteng konkrit yang telah dibina oleh JPS tapi *stretch* yang saya sebutkan tadi, dengan izin, *stretch*, dengan izin Tuan Speaker, yang itu belum dibuat. Dan, setiap kali ya, setiap kali berlaku air pasang besar, air melimpah ya, dan merebak hingga ke kawasan parit di situ. Saya telah memohon kepada Jabatan Kerja Raya untuk menaik kan jalan tersebut sehingga 2 kaki mungkin dapat menyelamatkan keadaan itu apabila berlaku air pasang besar. Walau bagaimanapun, saya berharap sama ada JKR ataupun JPS mempertimbangkan orang kata, peruntukan bangunan untuk mengatasi masalah

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

tersebut. Itu yang ketiga Tuan Speaker. Yang keempat, saya telah pun membangkitkan masalah mengatasi dan pencegahan banjir di kawasan Ban RB dan sekitar Kampung Haji Razali yang sering dinaiki air, apabila berlaku hujan lebat sedikit. Kalau ada hujan lebatlah dalam beberapa hari dalam tempoh satu minggu kawasan tersebut itu akan digenangi air dan kemudian ini akan banyak orang kata melimpah di kawasan-kawasan perparitan hingga kawasan halaman rumah-rumah di kampung tersebut dan kawasan tersebut banyak ditanam tanaman kontan. Ia tanaman sayur-sayuran yang dijadikan sumber pendapatan utama kepada penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Misalnya tanaman daun pandan yang merupakan orang kata tanaman utama di Kampung Sungai Sireh. Jadi air yang bergenang lama ini boleh menyebabkan tanaman ini musnah. Kalau seminggu air itu tak keluar benda ini akan musnahkan tanaman. Jadi sebagai ini saya telah bangkitkan dalam persidangan yang lepas dan juga saya difahamkan bahawa Jabatan Pengairan dan Saliran akan menaik taraf kunci air bagi mencegah orang kata banjir di kawasan tersebut tapi sehingga kali ini tindakan itu masih belum diambil. Jadi saya amat berharap supaya perkara ini dapat perhatian. Tuan speaker izinkan juga Sungai Burong ingin membangkitkan mengenai pecahan kepala PK202006 iaitu naik taraf jalan luar bandar. Sungai Burong ingin perhatian bahawa pada masa ini berlaku kesesakan dalam laluan 5. Laluan 5 ini lah kawasan yang amat sibuk dan masa-masa *pick time* ini berlaku misalnya waktu hujung-hujung minggu, waktu cuti-cuti am di mana jalan-jalan tersebut akan begitu sesak. Terdapat dan kebanyakan kenderaan yang melalui kawasan-kawasan tersebut akan mencari laluan alternatif. Mereka akan masuk pada jalan-jalan kampung, merayau-rayau, berpusing-pusing dan hingga mungkin dia keluar satu jalan lain yang boleh dia melepasi kesesakan jalan itu. Kesesakan yang selalu berlaku ia di kawasan-kawasan pekan seperti di Kuala Selangor dan juga di Tanjung Karang. Semasa Kerajaan Barisan lalu untuk menyuraikan keadaan kesesakan ini satu jalan alternatif telah dibina di Man Kanel atau pun di BAN Kenal kata orang kampung daripada Parit 8 hingga ke Parit 4 kawasan Sekinchan. Ini yang cantik, orang akan daripada Sg Besar akan masuk ke Parit 8 lalu jalan ini. Tetapi apabila masuk kawasan Sungai Burong daripada Parit 4, mereka dah jalannya dah menjadi jalannya jadi kecil jadi kerana itu ia menimbulkan kesesakan di kawasan tersebut, Kementerian Pertanian alhamdulillah telah juga membina sebuah jambatan di ibu empangan Tanjung Karang yang memudahkan laluan tersebut. Tetapi persoalannya ataupun masalahnya Tuan Speaker sekarang ialah jalan yang sibuk ini keadaannya semakin teruk oleh kerana terlalu banyak digunakan jadi sering mengalami kerosakan dan ada beberapa *stretch* jalan-jalan ini yang perlu dia orang kata perlu dibaiki iaitu di Kawasan yang menghubungkan antara sawah sempadan hingga ke Jalan Raja Musa. Untuk makluman Tuan Speaker juga Jalan Raja Muda Musa ke Jalan Bestari di Pekan Bestari, jalan ini telah pun dinaik taraf jadi 3 lorong yang besar, jalannya besar. Dan ia sebenarnya menjadi alternatif penyuraian jalan daripada Jalan Highway Lebuhraya LATAR. Saya membangkitkan jalan SAGA kerana jalan ini bersambung daripada Parit

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

4 di kawasan Sekinchan, dia masuk kawasan saya kawasan Sungai Burong, kawasan itu jalannya masih jalan lama, jalan kampung tradisi masuk ke kawasan Permatang, kawasan Permatang lagi teruk ada lagi satu *stretch* jalan itu....dan kemudian dia bertemu pula kepada Jalan Raja Musa yang telah cantik sampai Pekan Raja Musa. Kemudian itu dia masuk jalan pintas, Jalan Saga ke laluan alternatif di Lebuhraya LATAR. *Stretch* ini tidak panjang tetapi keadaannya masih orang kata mengalami keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kesesakan di kawasan tersebut walaupun niat asal tujuan itu ialah mereka ini untuk mencari jalan alternatif penyuraian di kawasan tersebut. Jadi saya ingin mencadangkan agar...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Sungai Burong boleh mencelah sedikit.

**TUAN SPEAKER :** Permatang minta. Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Terima kasih Sungai Burong, Speaker saya pun nanti tak payah sebut lagi isu yang sama. Jadi saya hanya menguatkan lagi lah, untuk maklumat EXCO jalan yang dimaksudkan Sungai Burong tadi ialah jalan yang sudah diletakan signage dengan izinlah oleh JKR daripada Sg Besar ataupun Sabak Bernam so ditunjuk jalan alternatif. Ini bila dah ada signage jalan alternatif, majoriti orang daripada Sg Besar, Sabak nak elak kesesakan dia akan masuk jalan itu. Sebenarnya jalan itu nanti akhirnya akan masuk jalan-jalan yang seperti Sungai Burong sebut. Akan masuk ke jalan kampung. Isunya orang kampung hujung minggu jadi sangat tidak selesa tapi tidak boleh buat apalah itu jalan Kerajaan. Tapi masalahnya kena diberikan naik taraf lah. Contohnya tadi macam jalan tadi yang masuk ke kawasan saya pula sebelum sampai ke Ijok dia akan jalan-jalan sekarang ini jalan kalau jalan itu boleh di naik taraf sejauh 1.5 KM, maka jalan itu akan mudah tak payah masuk kawasan kampung la. Banyak kereta masuk parit, untuk maklumat kerana tak apa, tak kerana kesesakan jalan dalam kawasan kampung. Saya ingat itu Sungai Burong sebagai tambahan je lah.

**TUAN SPEAKER :** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Terima kasih di atas pencerahan daripada Permatang. Untuk maklumat Tuan Speaker sebahagian jalan-jalan tersebut telah pun didaftarkan di bawah MARRIS tapi masih lagi ada *stretch* yang belum didaftarkan. Jadi saya ingin mengesyorkan supaya jalan alternatif tadi laluan alternatif yang di tanda oleh JKR sebagai jalan alternatif ini dimasukkan dalam daftar MARRIS dan kemudian saya mohon supaya peruntukan MARRIS yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan dengan dibiayai Kerajaan Negeri digunakan untuk menaik taraf jalan

**10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)**

tersebut. Jadi saya ingat itu perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan, saya Tuan Speaker bukanlah orang kata nak berniat untuk orang kata mengeluarkan kata-kata yang kesat buruk sangka dan sebagainya. Tapi saya tidak boleh orang kata sarang tebusan jangan dijolok. Perkara ini sebenarnya tidak, perkara ini perkara yang tidak seharusnya timbul kita dalam boleh berbuat perbincangan secara berhemah masing-masing boleh membawa isu di kawasan masing-masing walaupun ada pertindihan dalam isu. Tetapi itu kita sebagai wakil rakyat, tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat adalah untuk menekankan isu-isu. Saya perlu menjawab kepada rakyat di tempat saya, apa yang kita buat pada kawasan benteng walau pada Sekinchan dah...kalaupun Kerajaan Negeri dah bawa perkara ini. Walaupun Kerajaan Negeri YB Menteri Besar melaksanakan projek ini sendiri. Kalau Sekinchan nak buat kredit pun tak apa. Tapi saya sebagai rakyat saya kena membawa isu ini pada...Jadi saya ambil kesempatan ini, saya memohon maaf kalau ada keterlanjuran pada hari jumaat yang mulia ini, jadi saya sudah dengan Assalamualaikum WBT.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ya.

**TUAN SPEAKER :** Saya bagi Hulu Kelang dahulu.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Terima kasih Timbalan Speaker, Bismillahirrahmanirrahim. Saya akan ikut muka surat-muka surat agar tindakan akan diambil dengan lebih berkesan. Muka surat 184, iaitu P01 Pejabat Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri. Saya akan menyentuh PK2: Luar Bandar, saya akan menyentuh PK10 : Pelancongan PK 13: Adat Melayu dan Warisan dan PK15: Perumahan dan Hartanah. Isu luar bandar ini saya menyentuh pertamanya program pembangunan ekonomi kampung tradisi di mana saya telah memohon beberapa kali dulu. (1) Pembangunan pembinaan kedai deretan 10 unit kedai untuk bangunkan di Kampung Kemensah bagi aktiviti belia, wanita muda, ibu tunggal dan OKU. Jadi saya harap dengan peruntukan yang ada itu dapat diagihkan mana yang perlu. (2) Dari segi pembangunan desa Kampung Kemensah memerlukan juga satu, minta maaf, pembangunan ekonomi Kampung Kemensah juga ada aktiviti yang baik, yang berkaitan dengan rekreasi banyaknya *chalet* tapi setakat ini saya nak memohon beberapa kali daripada EXCO, tulis surat kepada beliau agar ambil pertimbangan untuk memutihkan, mengesahkan Kampung Kemensah dan kemudahan-kemudahannya termasuk ATV dah sampai ke tahap antarabangsa orang datang, tapi tidak pernah ada satu *website* atau pengiklanan yang mengatakan ia adalah salah satu daripada destinasi rekreasi dan percutian di Selangor. Kemudian dari segi Kampung Pasir, saya memohon dibina satu gelanggang futsal di antara kampung-kampung yang ada di Hulu Kelang yang tidak mempunyai kemudahan rekreasi untuk anak muda. Berkaitan dengan naik taraf ataupun baik pulih jalan luar bandar saya memohon agar peruntukan yang tidak banyak



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

saya saya rasa sederhana sahaja harganya untuk dibuat bagi penurapan ataupun membaiki jalan-jalan rosak dan itulah jalan satu-satunya jalan pergi ke Kem Abdul Ghaffar Baba. Pernah saya menyentuh tentang Kampung Baru 02007 Kampung Baru, permohonan kepada EXCO diharap menyediakan satu gelanggang futsal, futsal court, terima kasih. Kemudian pelancongan, pelancongan PK10 seperti saya sebut tadi tentang Kampung Kemensah sekiranya boleh dinilai, dikaji kemudahan-kemudahan yang ada destinasi ini di anggap secara rasmi sebagai destinasi percutian dan rekreasi di Selangor iaitu Kampung Kemensah yang sampai ke Kem Tun Ghaffar Baba. Kemudian PK13 saya menyentuh tentang warisan, adat Melayu dan warisan di mana warisan pernah ditafsirkan seperti aktiviti rakyat Malaysia antaranya yang berkaitan dengan pembikinan filem-filem lama, dokumentari selama ini telah dilakukan oleh satu NGO yang telah diberi sokongan oleh belia Kerajaan Negeri Selangor dengan sumbangan yang agak baik iaitu setiap tahun akan mengadakan *freedom film festival* yang merupakan sudah menarik kedatangan beberapa tokoh pembikin filem dokumentari dari seluruh dunia dan saya harap pada tahun ini kerjasama yang lebih mantap perlu dilakukan antara Kerajaan, agensi yang berkaitan dengan KOMAS, NGO KOMAS, Pusat KOMAS Semenyih yang akan menganjurkan kali yang ke-18 *Freedom Film Festival* Kuala Lumpur, Singapore, Penang, Melaka dan sebagainya. Kemudian saya ingin menyentuh tentang perumahan dan hartanah. Saya dalam ucapan perbahasan telah menyentuh tentang pembuatan satu rumah mampu milik rumah Selangorku dengan mengambil kira dia adalah bebas daripada riba, *interest* kerana kita tahu bahawa sekurang-kurangnya 30% kitaran dalam perniagaan *business* membeli menjual rumah ini melibatkan *interest*. Dan kalau kita boleh zerokan *interest* dan sistemnya saya kemukakan secara ringkas tetapi malangnya tidak diulas oleh sama ada Menteri Besar yang mendengarnya pada hari itu dan EXCO-EXCO Perumahan yang tidak dapat hadir, tidak hadir pada hari itu. Jadi saya akan sama ada saya sediakan atau teks yang baru ataupun *refer* pada handsard cadangan saya. Cadangan saya adalah untuk membolehkan Selangor, menyediakan rumah mampu milik dan rumah Selangorku atas dasar *zero interest* dan tawaran daripada satu badan untuk membawa FDI sebanyak RM1 bilion. Okay, sekian terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Hulu Kelang, saya bagi Kinrara dulu.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Kinrara ingin membangkitkan dua masalah utama. Di dua jalan utama di Kawasan Kinrara Puchong, saya merujuk kepada VOT P12, Jabatan Kerja Raya. Muka surat 209, PK 4 dengan Kod Projek 04100 Daerah Petaling. Masalah pertama yang saya ingin nak bangkitkan adalah di Batu 7 Jalan Puchong yang bersebelahan dengan Kem Tentera Kinrara di mana tapak itu adalah sebenarnya di bawah kawalan DBKL. Ia di sempadan Selangor dengan Wilayah yang itu di bawah DBKL. Di tapak itu ada banyak pembangunan ada



## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

banyak projek perumahan yang baru dengan *density* yang amat padat. Walaupun itu di kawasan DBKL, tetapi setelah projek itu *complete* atau projek itu diselesaikan kelak ia tiada laluan lain. Pembeli-pembeli rumah itu akan guna jalan Puchong ke KESAS Highway ataupun ke LDP ataupun ke Jalan Kelang Lama. Jadi laluan Jalan Puchong itu adalah jalan yang mereka akan guna. Beribu-ribu unit apartmen akan di siap tidak lama lagi dalam satu dua tahun. Beribu-ribu unit apartmen akan disediakan. Jadi saya tidak pasti JKR Petaling ada maklumat ni ke tidak. Tetapi setahu saya, tiada apa-apa penaiktarafan Jalan Puchong di sekitar tu. Jadi, saya ingin meminta JKR Petaling untuk pandang ke masalah ini dan mengadakan satu persiapan awal sebelum projek ni siap kerana akan ada beribu-ribu kenderaan yang akan guna Jalan Puchong di Simpang Batu 7 Jalan Puchong setelah semua projek-projek itu diselesaikan. Dan masalah yang kedua adalah satu jalan utama lagi iaitu Puchong dan Bukit Jalil *bypass*. Semua saya rasa semua sedia maklum, Puchong merupakan satu kawasan yang sering dilanda kesesakan lalu lintas di sepanjang jalan Lebuh raya LDP dan dari permulaan Bukit Jalil-Puchong *bypass* iaitu dari Stesen Minyak Petronas ke Bandar Kinrara (Seksyen 3) adalah merupakan satu botanik yang agak serius kerana semua kenderaan yang sampai ke sana akan tersekat di botanik itu. Lorong tiga ke empat lorong jadi ke dua lorong. Jadi *jammed* itu sehinggalah Tol Sunway. Jadi saya ingin meminta JKR untuk melebarkan kawasan botanik itu. Tak panjang hanya saya rasa lebih kurang 50meter sahaja yang perlu kita lebarkan. Jadi saya berharap JKR akan buat satu kajian untuk melebarkan kawasan botanik itu dan masalah yang ketiga tentang JKR adalah sepanjang Persiaran Kewajipan dari USJ 21 hingga ke Subang Airport. Walaupun USJ tu besar, ramai yang masih keliru. USJ tu dibagi kepada dua kawasan (dua DUN). USJ 1 hingga USJ 16 tu adalah bawah DUN Subang Jaya dan 16 hingga ke 23 adalah bawah DUN Kinrara. Saya pun tidak pasti kenapa dibagi macam itu. Tetapi ADUN Subang Jaya dan saya selalu terima aduan daripada penduduk di kawasan tu tentang ketidakpuashatian Persiaran Kewajipan. Apa yang mereka sering mengadu adalah seperti lampu jalan selalu tidak berfungsi dan permukaan jalan itu agak kasar dan dari Kewajipan nak pergi ke Subang Airport selalu ada takungan air di atas jalan. Jadi ini adalah agak bahaya. Saya berharap JKR juga akan ambil tindakan untuk selesaikan masalah di sepanjang Persiaran Kewajipan sehingga ke Subang Airport. Perkara yang seterusnya, saya ingin merujuk kepada Vot P13-Jabatan JPS (muka surat 219) Kod Projek 02104 (mohon maaf). Muka surat 220 (eh tidak) menaik taraf. JPS. Ya. Kod Projek 02102- kerja-kerja menaik taraf parit utama dan sistem parit dalaman serta kerja-kerja berkaitan di Kampung Bukit Lancong dan Kampung Sungai Baru Puchong Daerah Petaling. Saya mengalu-alukan projek peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk menaikkan taraf sistem perparitan di kawasan Kampung Batu 13 Puchong. Saya berharap peruntukan RM2juta ini dapat disegerakan kerana kawasan di sana memang selalu dilanda banjir. Saya berharap JPS juga boleh mengadakan satu kajian kerana di kawasan sana, air hujan daripada Putera Height perlu melalui Kampung Tengah atau

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Kampung Kuala Sungai Baru baru masuk ke Sungai Klang. Di sebelah *highway* LDP juga Kampung Kenangan. Air daripada kawasan perindustrian USJ perlu melalui Kampung Kenangan baru masuk ke Sungai Klang. Jadi di Kampung Batu 13 di Puchong ini seolah-olah telah jadi satu lembah. Semua air daripada pembangunan baru Putera Height dan juga USJ perlu melalui kampung ini baru masuk ke dalam Sungai Klang. Jadi sistem perparitan di kampung-kampung ini perlu dinaiktarafkan. Saya sebenarnya tidak pasti sistem perparitan ini ada bawah JPS, JKR atau MPSJ. Kerana selalu saya bangkitkan masalah ini kepada JPS, dia akan kata ini bawah JKR. Bila bangkit masalah ini kepada JKR, dia akan kata bawah MPSJ. MPSJ pula tolak balik kepada JPS. Jadi saya minta Exco untuk bantu dan perkara ini sistem perparitan sana perlu dinaiktarafkan. Jadi, dengan ini sajalah perkara-perkara yang ingin saya nak bangkitkan. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Terima kasih Timbalan Speaker. Saya terus saja kepada beberapa perkara mengenai dengan P01 (Vot P01 muka surat 186) iaitu mengenai yang perbandaran. Saya ingin membangkitkan beberapa masalah tempat yang masih bergelap. Maknanya di sepanjang jalan-jalan berikut ataupun jalan-jalan PBT yang saya kira perlu diambil perhatian dan diambil tindakan segera kerana dah lama sangat mereka bergelap di sepanjang jalan berkenaan iaitu sepanjang Jalan Persiaran Ros, Jalan Lingkaran Tengah Seroja menghala ke kilang, Coscan ke Bukit Sentosa, simpang masuk ke Telipot Azura. Ini mengenai dengan perbandaran. Yang kedua mengenai dengan PK10 iaitu menaik taraf produk pelancongan. Semalam saya ada bawa dan ke perhatian Exco mengenai dengan *paragliding* punya *facility*. saya tengok bajet kita pada kali ini lebih kurang RM1.5juta. kalau perkara ini kita nak ambil perhatian untuk melengkapkan *infra* jalan naik dan *take off pad* dan juga dianggarkan lebih kurang RM800,000 pada ketika itu. So, kalau kita betul-betul nak jadikan dia sebagai pusat pelancongan dan tarikan baru bagi sukan ekstrem *paragliding* antarabangsa yang pernah di buat di situ, saya rasa kita tidak cukup bajet di situ. Barangkali boleh dipertimbangkan untuk dinaikkan bajetnya. Dan yang seterusnya ialah mengenai dengan membina baru perpustakaan desa. Saya ingin memohon pandangan daripada Kerajaan Negeri kerana di kawasan DUN Batang Kali ini yang mempunyai hampir 50,000 pengundi dan kawasan yang begitu besar tidak ada satu pun perpustakaan desa di sana. Dan saya baru-baru ini ditawarkan oleh Kerajaan pusat satu bentuk bajet dan juga dengan kerjasama daripada Dewan Bahasa Pustaka dan Perpustakaan Negara untuk mengadakan satu perpustakaan desa, tetapi masalahnya ialah masalah tempat. Saya ada satu tempat yang saya lihat yang sangat strategik di mana dikelilingi oleh ramai penduduk dan juga tadika-tadika di situ. Apa kata kalau dewan yang sedia ada itu ataupun Dewan Orang Ramai ataupun Balai

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

Rayalah (balai raya kecil tapi tapak dia besar saya tengok). Banyak akses *land* dekat situ yang boleh di *convert* kan atau ditukarkan ataupun kita *upgrade* kan dewan berkenaan menjadi perpustakaan desa. Jadi saya mohon sama ada perkara ini boleh kita lakukan bagi mengadakan perpustakaan desa di sana. Seterusnya mengenai dengan kod di muka surat Vot P12 (muka surat 208) mengenai dengan jambatan ni. Ini dah lama ni. Jambatan ini. Tetapi saya tengok di sini masih lagi bertokenkan RM10 untuk 2008. So, saya nak tanya apa sebabnya vot P12 ini Kod 02801 ni yang menggantikan jambatan di laluan Sungai Liam ni masih tak *take off* lagi ataupun apa motif sebenarnya bajet baru token RM10 untuk tahun 2018 ini? Bila nak dibuat dan apakah sebenarnya yang kita nak lakukan di sini ya? Tentang pembinaan jambatan berkenaan. Ini adalah satu jambatan penghubung di antara Ulu Yam Lama dengan Ulu Yam Baru dan satu-satunya lah jalan belakang ataupun jalan alternatif yang ada di tengah-tengah pembelah di antara dua kawasan ini. Dan seterusnya (yang akhirnya) ialah mengenai dengan P14 – Jabatan Agama Islam Selangor. Saya suka menarik perhatian mengenai dengan SRA Taman Bunga Raya ni. Bajet dah pernah kita anggarkan dan spread daripada 2016 hingga 2020 tetapi 2018 baru dibagikan token RM10. Jadi saya tak tahu sama ada SRA ini nak dibangunkan segera ke ataupun tidak? Saya minta pihak yang berkenaan beri peneranganlah bila, apa dan kenapa benda ni jadi begini. Yang seterusnya mengenai dengan kod yang sama (di dalam vot yang sama P14) iaitu 02801 Kompleks Islam Hulu Selangor ini juga tahun ini pada dalam spread Bajet 2016 hingga 2020 di taruhkan RM50, tetapi tahun 2018 itu hilang. Sama ada projek ini nak diteruskan ataupun nak dibatalkan saya tak dapat nak pasti. Jadi saya nak minta tahu sama ada nak *take off*, kita kena *take off* dan Kompleks Islam Hulu Selangor ini menjadi satu mercu tanda di kawasan kamilah ya. Dan seterusnya mengenai dengan vot yang sama PK3 – Masjid Daerah Hulu Selangor (Masjid Antara Gapi). Tahun lepas pun kita dah sebut, baru ni kita dah mempunyai bajet untuk membinanya dan tahun ini dibagi RM10 ya (token RM10). Jadi saya tak tahu sama ada apakah sebenar yang nak dibuat dan bila nak *take off* bagi projek berkenaan kerana di sana sekarang memang memerlukan sebuah masjid. Kami di sana cuma ada satu surau yang dijadikan tempat sembahyang Jumaat. Tapak memang cantik dan penduduk pun makin lama makin bertambah dan perumahan pun saya rasa Exco Perumahan lebih mengetahui kot perkembangan-perkembangan penduduk di kawasan itu dengan perumahan-perumahan yang baru yang wujud di sana. Jadi penduduk makin lama makin padat. Saya rasa perlu dipercepatkan sekiranya bajet ini memang khusus dan ada untuk dibangunkan masjid berkenaan. Begitu juga dengan kod dalam vot yang sama kod 04801. Tahun ini dia tak ada anggaran tetapi kos projek dia atau dia punya spread 2016 hingga 2020 itu masih ada lagi. Surau Taman Serendah Makmur, Serendah (ini dah siap dah). Dah siap. Jadi kalau bajet tu nak dikeluarkan, keluarkanlah. Bagilah kat orang lain. Kalau tidak, bagi untuk *upgrading of* surau. Surau ni dah kita bina dan dah dipakai dan rasanya dah setahun dah kot benda ni

## 10 NOVEMBER 2017 (JUMAAT)

dibina. Jadi saya tak tahu kenapa masih wujud di sini dan bajetnya masih lagi di dalam buku anggaran. Dan kalau boleh kalau tidak nak dipakai, saya minta Surau Al-Mustaqim (04802 itu) kita gantikan di situ. Kita *convert* kan kedua-dua *figure* bajet itu (Surau Taman Serendah dan Surau Mustaqim itu) dan ambil satu, kita dirikan satu surau di situ dia masih lagi memakai rumah yang dipinjam ataupun diberigunapakai oleh penghuni sebelumnya. Jadi masih lagi menumpang ya. Menumpang sebuah rumah untuk surau mereka. Jadi barangkali Surau Al-Mustaqim ini perlu kita percepatkan pembinaannya. Ini beberapa perkara yang saya nak bawa pada petang ini dan yang akhirnya mengenai dengan Jalan Anggerik 5 dan Jalan Anggerik 3 yang masih lagi tidak (masih di biar berlubang-lubang) dan perlu ada satu tindakan untuk mencerap ataupun sebagainya pada jalan-jalan berkenaan. Terima kasih Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Batang Kali. Saya akan menangguhkan Sidang sebentar lagi dan saya nak memperingatkan Yang Berhormat sekalian tentang keperluan untuk Yang Berhormat merujuk kepada vot dan juga muka surat bagi memudahkan pihak Kerajaan terutamanya Exco dan juga pegawai-pegawai untuk menjawab sesegera mungkin sebagai spesifik kes kerana dia lebih mudah untuk mereka. Tapi kalau Yang Berhormat membuat perbahasan secara umum, sukar untuk mereka berbuat demikian.

Jadi saya berharap perkara itu diambil perhatian oleh Yang Berhormat sekalian. Jam menunjukkan 4.30 petang. Saya tangguh Sidang ke hari Isnin, 13 November 2018, jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**